

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
PUAN AZIZAH BINTI ADAM  
TOKOH SENI TEKAT BENANG EMAS  
KEHALUSAN SULAMAN SENI TEKAT WARISAN NEGARA

OLEH:

NUR AIMI ATIRAH BINTI ABDUL MALIK	2020872672
SITI UBAIDAH BINTI MOHD ZAINI	2020862702

PROJEKINI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (OKTOBER 2022 – FEBRUARI 2023)

# PENGHARGAAN

# **PENGHARGAAN**

Bismillahirrahmanirrahim Assalamualaikum w.b.t. dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya dapat juga kami menyempurnakan tugasan bagi subjek “Oral Documentation” (IMR604).

Di kesempatan ini, kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat sepanjang menjayakan tugasan ini. Terutamanya kepada pensyarah kami iaitu, Puan Nurulannisa binti Abdullah kerana beliau telah banyak memberikan tunjuk ajar dan ilmu yang bermanfaat kepada kami sepanjang menjalankan tugasan ini.

Sekalung penghargaan dan jutaan terima kasih kepada Puan Azizah binti Adam atas kesudian beliau dalam membantu menjayakan tugasan yang diberi. Beliau memberikan kerjasama yang baik dan maklumat yang berguna semasa sesi temubual dijalankan.

Tidak dilupakan juga kepada mereka yang turut membantu sama ada secara langsung ataupun tidak langsung. Terima kasih kepada ibu bapa kami yang memberikan sokongan dan dorongan agar kami terus berusaha gigih untuk menyiapkan tugasan ini dengan sempurna.

Akhir sekali, terima kasih juga kepada rakan-rakan seperjuangan yang banyak berkongsi maklumat dan membantu serba sedikit sepanjang tempoh tugasan ini dilaksanakan.

Sekian, terima kasih.

# ABSTRAK

# ABSTRAK

**Abstrak:** Temubual ini dilakukan bersama dengan Puan Azizah binti Adam yang merupakan seorang tokoh seni kraf tekat benang emas dari negeri Perak Darul Ridzuan. Sesi temubual ini dijalankan untuk mengetahui tentang latar belakang perjalanan hidup dan pengalaman Puan Azizah binti Adam dalam kerjayanya sebagai seorang penekat benang emas. Temubual ini telah dijalankan secara atas talian di platform Google Meet pada 21 Januari 2023 sekitar pukul 10 pagi. Minat beliau yang mendalam terhadap seni kraf tangan tekat benang warisan negara ini telah membantunya menjana pendapatan. Puan Azizah binti Adam mula menceburi bidang seni tekat ini sejak tahun 1979 sehingga berjaya menujuhkan bengkel dan perniagaannya sendiri. Kehalusan sulaman seni tekat benang Azizah Adam yang hebat telah berjaya membawanya terbang sehingga ke luar negara. Kesabaran dan kesungguhan beliau dalam memajukan bidang seni kraf ini memberinya banyak kenangan manis dan pahit buat dirinya. Berpuluh tahun sudah berlalu, jiwa dan cinta Puan Azizah binti Adam terhadap dunia seni kraf masih tidak pudar dan sedia untuk meneruskan cintanya dalam warisan seni kraf ini seiring dengan peredaran zaman.

**Kata kunci:** Azizah Adam, tokoh, seni kraf, tekat benang, minat

*The interview was conducted together with Puan Azizah binti Adam who is a figure of gold thread art from the state of Perak Darul Ridzuan. The interview was conducted to learn about the background of life travel and the experience of Puan Azizah binti Adam in her career as a gold thread thickener. The interview was conducted online on the Google Meet platform on January 21, 2023 at around 10 a.m. His keen interest in the art of handicrafts in the country's heritage has helped him to generate income. Puan Azizah binti Adam started her venture into the field of martial arts in 1979 until she successfully established her own workshop and business. The subtlety of Azizah Adam's great thread-tight art embroidery has successfully taken him flying abroad. His patience and determination in advancing the field of craft, gave him many sweet and bitter memories. Tens of years have passed, Puan Azizah binti Adam's soul and love for the world of craft has not faded and is ready to continue her love of the craft's heritage as the times go on.*

**Keywords:** Azizah Adam, figure, craft, thread determination, passion

# **ISI KANDUNGAN**

# ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
Penghargaan.....	i
Isi Kandungan.....	v
Abstrak.....	iii
Biodata Tokoh.....	vii
Pengenalan.....	ix
Transkrip	
Bahagian 1: Latar Belakang Tokoh.....	4
Bahagian 2: Pendidikan.....	8
Bahagian 3: Pengalaman Kerjaya.....	11
Bahagian 4: Penghasilan Tekat Benang.....	22
Bahagian 5: Perniagaan Azydar Enterprise.....	31
Bahagian 6: Bantuan dan Perkhidmatan .....	37
Bahagian 7: Pencapaian dan Sumbangan .....	40
Bahagian 8: Harapan dan Nasihat.....	45
Bibliografi.....	72
Lampiran	
Log Wawancara.....	52
Diari Kajian.....	61
Senarai soalan.....	65
Surat Pengesahan Projek.....	74
Surat Perjanjian.....	75
Gambar .....	76
Glosari.....	77
Indeks.....	80

# **BIODATA TOKOH**

## BIODATA TOKOH



<b>Nama</b>	Azizah binti Adam
<b>Tarikh Lahir</b>	20 November 1960
<b>Tempat Lahir</b>	Changkat Jering Taiping, Perak
<b>Alamat</b>	No. 57A, Kampung Padang Changkat, Bukit Chandan, 33000 Kuala Kangsar, Perak, Malaysia.
<b>No. Telefon</b>	017512....
<b>Profesjon</b>	Penekat Benang Emas
<b>Bidang</b>	Seni Tekat Benang

# PENGENALAN

## PENGENALAN

Tugasan ini dilaksanakan adalah untuk menyempurnakan keperluan kursus bagi subjek IMR604 iaitu Pendokumentasian Sejarah Lisan. Projek ini ditugaskan untuk melakukan kajian tentang tajuk bertemakan Seniman Veteran dan Tokoh Seni Warisan Tempatan. Seniman atau tokoh yang dikehendaki adalah mereka yang berumur 50 tahun ke atas dan merupakan seorang veteran. Tugasan ini merangkumi proses menemubual tokoh dan seterusnya melakukan transkrip ke atas perbualan daripada temubual yang dilakukan ke dalam bentuk bertulis atau dalam erti kata lain sejarah lisan. Selain itu, tokoh yang dipilih haruslah mempunyai maklumat dan pengalaman serta peristiwa pada masa lampau yang boleh direkod sebagai satu cerita yang bersejarah.

Oleh itu, kami telah memilih Puan Azizah binti Adam sebagai tokoh seni warisan tempatan yang sudah berpengalaman lebih dari 40 tahun dalam bidang yang diceburinya. Beliau merupakan seorang penekat benang emas dari Kuala Kangsar, Perak. Penglibatan dan kesungguhan beliau sepanjang menjadi seorang penekat benang emas telah memberinya pelbagai kejayaan dan pengalaman manis serta pahit dalam perjalanan hidupnya. Bukan itu sahaja, faktor minat yang mendalam dalam seni kraftangan tekat benang emas ini juga telah menyebabkan dia mampu bertahan dalam bidang seni kraf warisan yang semakin pupus ini sehingga sekarang. Justeru, tugas yang dilaksanakan ini akan memberi kepentingan yang berharga dan boleh dijadikan sumber inspirasi kepada orang ramai terutamanya kepada generasi anak muda pada masa yang akan datang.

## **SENARAI ABBREVIASI**

<b>Singkatan</b>	<b>Maksud</b>
UiTM	Universiti Teknologi Mara
KTM	Kereta Api Tanah Melayu
IPT	Institusi Pengajian Tinggi
R&D	Research and Development
VVIP	Very Very Important Person
VIP	Very Important Person
PKP	Perintah Kawalan Pergerakan
PPT	Pingat Perkhidmatan Terpuji

## **RUJUKAN KATA**

<b>Perkataan</b>	<b>Bahasa Baku</b>
Diaorang	Mereka
Korang	Kamu
tu	itu
Kitaorang	Kami
ha	ya
ni	ini
je	sahaja

# **TRANSKRIP**

## **TRANSKRIP**

Rakaman dan temu bual ini mengisahkan tentang kehidupan dan pengalaman Puan Azizah binti Adam yang merupakan seorang tokoh seni warisan tekat benang emas. Temubual ini telah dijalankan pada 21 Januari 2023 bersamaan dengan hari khamis pada pukul 10 pagi secara atas talian di platform Google Meet. Berikut adalah hasil rakaman.

**Petunjuk:**

PAA : Puan Azizah binti Adam

SU : Siti Ubaidah binti Mohd Zaini

AA : Nur Aimi Atirah binti Abdul Malik

## **BAHAGIAN: PENGENALAN**

AA : Okay Puan, boleh kita mulakan sekarang?

PAA : Ya.

AA : Okay, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah merupakan temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup tentang seorang tokoh dalam bidang seni tekat benang emas. Temubual ini dilakukan bersama kami ialah Puan Azizah binti Adam seorang tokoh seni tekat benang emas. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 21 Januari 2023 bersamaan dengan hari khamis pada pukul 10 pagi secara atas talian di platform Google Meet. Temubual ini dikendalikan oleh saya Nur Aimi Atirah binti Abdul Malik dan Siti Ubaidah binti Mohd Zaini. Dengan segala hormatnya temubual ini dimulakan.

PAA : Okay

## **BAHAGIAN A: LATAR BELAKANG**

**SU :** **Bahagian A, latar belakang. Okay soalan pertama, bolehkah ceritakan serba sedikit mengenai latar belakang Puan, nama penuh, tarikh lahir, tempat lahir.**

**PAA :** Okay, nama saya Puan Azizah Adam - lahir pada dua puluh hari bulan sebelas tahun 1960 (20 November, 1960). Dengar tak [tidak]?

**SU :** Dengar-dengar.

**PAA :** Dua puluh - dua puluh hari bulan November 1960 tarikh lahir. Sekarang usia saya dah [sudah] masuk tahun ni [ini] enam puluh tiga [63] tahun dan telah terlibat dalam seni tekat benang emas ni hampir empat puluh empat [44] tahun.

**SU :** **Oh lama, okay. Tempat lahir Puan dimana ya?**

**PAA :** Saya dilahir - saya lahir di - Changkat Jering, Taiping Perak.

**SU :** **Baik, soalan kedua adakah Puan mempunyai nama gelaran atau nama samara tersendiri?**

**PAA :** Ya? Tak jelas.

**SU :** **Adakah Puan mempunyai nama gelaran yang tersendiri?**

**PAA :** Orang panggil saya Mak Zah je [sahaja].

**SU :** Mak Zah?

**PAA :** Ha ah [Ya], Mak Zah je [sahaja], tak [tidak] ada nama *glamour* [Terkenal]. (ketawa kecil)

**SU :** **Okay soalan seterusnya, siapakah nama ibu dan bapa Puan?**

**PAA :** Nama ibu saya Hajah Khad-khadijah binti Ismail - Hajah Khadijah binti Ismail.

**SU :** Ha ah [Ya].

**PAA :** Nama ayah saya Adam bin Yasin.

**SU :** Adam bin Yasin?

**PAA :** Dengar tak? Ya.

- SU : Okay, baik adakah mereka ---
- PAA : Jelas tak?
- SU : Jelas-jelas.
- SU : **Saoalan seterusnya bolehkah Puan ceritakan sedikit tentang latar belakang ibu dan bapa Puan? Contohnya macam adakah mereka masih bersama dengan Puan?**
- PAA : Hmm memang saya tinggal dengan mak dan ayah saya, tapi-tapi diaorang [mereka] dah [sudah] tak [tidak] ada. Ayah saya dah [sudah] meninggal dua belas [12] tahun, ibu saya - ibu saya dah [sudah] meninggal dua [2] tahun.
- SU : Dua [2] tahun. (Mengangguk)
- SU : **Okay baik. Kita ke soalan seterusnya, berapakah bilangan adik beradik Puan? Dan Puan anak yang ke berapa?**
- PAA : Adik-beradik saya ada lapan [8] orang, saya anak yang sulung.
- SU : Oh (Mengangguk) anak yang sulung. (Gangguan bunyi)
- SU : **Okay. Boleh Puan cerita serba sedikit tentang latar belakang adik beradik Puan?**
- PAA : Okay, adik beradik saya semua *business* [Perniagaan] sendiri. Tak [Tidak] ada yang bekerja di Jabatan Kerajaan, semua buat kerja sendiri - makna *business* [Perniagaan] sendiri.
- SU : Oh (Mengangguk) boleh bagi contoh *business* [Perniagaan] apa yang mereka terlibat?
- PAA : (Gangguan bunyi) Adik saya *number* [Nombor] dua [2] tu [itu] dia *business* [Perniagaan] dekat Pasar Besar Kuala Kangsar, itu *number* (Nombor) dua [2] dan *number* (Nombor) tiga [3] *business* (Perniagaan) kat [dekat] Pasar Besar Kuala Kangsar, yang *number* (Nombor) tiga [3] dia *business cookies and bakery* [Perniagaan biskut dan bakeri], yang keempat dia - dia bukak [buka] kedai makan, berniaga makanan la, bukak [buka] restoran. Yang kelima dia kerja dekat katering, yang keenam duduk di KL [Kuala Lumpur], ha yang keenam tu [itu] tak [tidak] ada kerja apa, suri rumah sepuh masa dan yang ketujuh – pun [juga] buat bakeri jugak [juga].
- SU : Oh okay. (Mengangguk)
- PAA : Itu je [sahaja].

- SU : Okay seterusnya bilakah Puan menamatkan zaman bujang Puan? Bila tu [itu]?
- PAA : Menamatkan zaman bujang tahun 19 - 19 kejap [sekejap] nak ingat balik, 19 berapa eh (Ketawa) 19 - 1980.
- SU : 1980? Oh okay. (Mengangguk)
- PAA : 80, ya.
- SU : **Sudah berapa lama Puan berkahwin?**
- PAA : Saya dah [sudah] kawin [kahwin] berapa lama -- umur anak saya yang sulung dah empat puluh [40].
- SU : Oh (Mengangguk)
- PAA : Saya dah [sudah] kawin [kahwin] dalam 41 - 42 tahun.
- SU : Suami Puan bekerja ke?
- PAA : Suami yang pertama dulu [dahulu] dia bekerja di Jabatan Kerajaan, Jabatan Kerja Raya tapi dah-dah [sudah] meninggal, dah [sudah] takda [tiada] dah [sudah]. Saya ada suami kedua. Suami kedua saya -- pesara dekat UTM [Universiti Teknologi Malaysia] Skudai [Johor].
- SU : **Oh (Mengangguk) baik. Berapakah bilangan anak Puan bersama dengan suami tercinta?**
- PAA : Oh suami saya yang pertama, ada anak empat [4] orang, dan yang kedua tak [tidak] ada.
- SU : Oh kedua tak [tidak] ada, okay. (Mengangguk)
- SU : **Bolehkah Puan ceritakan serba sedikit tentang latar belakang anak-anak Puan?**
- PAA : Latar belakang siapa tu [itu]?
- SU : Anak-anak Puan.
- PAA : Anak saya yang pertama kerja dekat Kraftangan Malaysia Kuala Lumpur, anak saya yang kedua -- dulu dia bekerja dekat Jabatan Kerajaan dekat sekolah - mengajar dekat sekolah dan dia bersara dan dia terlibat dengan saya sepenuh masa sebagai usahawan tekat, anak *number* (Nombor) dua. Dan anak yang ketiga kerja dekat Kereta Api Tanah Melayu (KTM) dan keempat kerja hospital - hospital Tanjung Rambutan [Ipoh].

- SU : Ada yang sudah mendirikan rumah tangga ke?
- PAA : Semua dah [sudah] semua dah [sudah] berumah tangga.
- SU : Semua dah [sudah]. (Mengangguk)
- AA : Alhamdullilah [Segala puji bagi Allah] syukur. (Ketawa)
- SU : **Dimanakah Puan dan keluarga menetap sekarang?**
- PAA : Ya? (Gangguan Internet)
- SU : Dimanakah --
- PAA : Kampung Pandang Changkat Bukit Chandan Kuala Kangsar [Perak].

**TAMAT BAHAGIAN A**

## **BAHAGIAN B: BIDANG PENDIDIKAN**

**SU : Soalan pertama. Dimanakah Puan mula mendapatkan pendidikan awal?**

PAA : Saya mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah Datin Khadijah Kuala Kangsar [Perak]. *Then* [Kemudian] ke Sekolah Menengah Raja Perempuan Kalsom, Kuala Kangsar [Perak] jugak [juga].

**SU : Okay. (Mengangguk) Bila tahun Puan memulakan sesi persekolahan tu [itu]?**

PAA : Bila tahun menghabiskan persekolahan?

SU : Memulakan - memulakan

PAA : Memulakan persekolahan, maksudnya?

SU : Maksudnya, bila Puan *start* (mula) masuk ke sekolah?

PAA : 1967.

**SU : Adakah Puan terlibat aktif dalam mana-mana aktiviti badan organisasi sewaktu sekolah dahulu?**

PAA : Ada jugalah aktif dalam kurikulum, sukan-sukan tu [ada] ada la masuk, badminton kan -- Ha [Ya], itu jelah.

**SU : Adakah Puan pernah pegang jawatan-apa-apa jawatan sewaktu di sekolah dahulu?**

PAA : Tak [Tidak] ada – tak [tidak] ada. Saya semua ahli-ahli biasa ja [sahaja]. Pengawas Perpustakaan ada la macam tu [itu].

SU : **Siapakah guru yang paling diingati Puan sehingga sekarang dan apa sebab Puan masih mengingati perihal beliau?**

PAA : Guru saya?

SU : Ha ah [Ya].

PAA : Guru saya yang bernama Puan Sharifah la. Sebab dia ada mengajar Geografi tau [tahu] masa tu [itu] dan lagi satu -- guru yang saya suka Cikgu Nisyam, dia ni Chinese la, mengajar Bahasa Inggeris.

SU : **Oh okay. (Mengangguk) Seterusnya adakah Puan melanjutkan pelajaran di peringkat Universiti?**

PAA : Tak [Tidak]. Saya sampai SPM [Sijil Pelajaran Malaysia] sahaja.

SU : **Oh SPM [Sijil Pelajaran Malaysia]. Baiklah, apakah satu peristiwa tak [tidak] dapat dilupakan oleh Puan sebagai seorang pelajar? (Bunyi kertas). Macam kenangan manis la.**

PAA : (Ketawa) Kena denda apeni [apa] *spelling* [ejaan] salah. Salah *spelling* [ejaan] saya kena denda jemur tengah panas - berdiri tengah panas. (Ketawa)

SU : (Ketawa) Okay.

PAA : Masa tu [itu] kan, semua mata pelajaran saya semua dalam English. Kita dalam kelas pun [juga] kena cakap English tak [tidak] boleh cakap Melayu.

Saya sekolah Inggeris. Tapi bila naik menengah tak [tidak] ada la macam tu [itu].

**AA : Jadi Puan boleh berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris la?**

PAA : Ha [Ya], boleh la sikit-sikit kalau nak [hendak] bercakap dengan Mat Saleh . [Orang Putih dari keturunan British] tu [itu]. (ketawa) Kalau ada *tourist* (pelancong) datang *workshop* (bengkel) saya, jadi kita paham [faham] la orang cakap dan orang pun [juga] akan paham [faham] kita cakap.

SU : (Mengangguk) Betul-betul.

#### **TAMAT BAHAGIAN B**

## **BAHAGIAN C: PENGALAMAN KERJAYA**

- AA : Okay soalan seterusnya kita masuk bahagian pengalaman kerjaya Puan dalam bidang seni tekat ini. Selepas menamatkan pengajian, adakah Puan melakukan kerja sambilan?
- PAA : Lepas [selepas] saya menamatkan pelajaran tahun 1977, saya habis belajar 78 [1978] ada la ikut kawan kerja-kerja sini, kerja sana kan - saya *start* [mula] menekat tahun 1979. Sebab kebetulan di kampung saya ada ada bukak [buka] kelas kemas untuk seni tekatan benang emas dan saya salah seorang pelajar dia masa dulu [dahulu] masa belajar kat [dekat] kampung tu [itu] kan ramai tau [tahu] ada tiga [30] orang tapi hilang tak [tidak] tau [tahu] ke mana dah [sudah] kahwin semua ikut suami, semua hilang sebab saya *still* [masih] ada kat kampung ni [ini] dan nampaknya sampai sekarang cuma saya dapat bertahan.
- SU : Ya faham.
- PAA : Kemudian saya takde [tidak ada] ambik [ambil] keputusan nak keje [kerja] walaupun ada peluang boleh keje [kerja] ke luar kan jabatan kerajaan ke apa ada *apply* [memohon] kerja ini, kerja itu tapi kan saya tak [tidak] berminat nak [mahu] kerja saya sebab ada la saya mengajar dekat Perbadanan Kraftangan Cawangan Perak, saya ada mengajar tujuh [7] tahun kat [dekat] situ, jadi tenaga pengajar kat [dekat] situ.
- SU : Baik.
- AA : Okay. Saya nak [hendak] tanya, secara amnya apakah bidang seni tekat ini? Dari mana bidang seni tekat ini asalnya?
- PAA : Seni tekat ini kan asalnya dari negara Arab.

- AA : Negara Arab
- PAA : Negara Arab dibawak [dibawa] oleh pedagang-pedagang rempah ke Acheh dan kebetulan kita punya Sultan Perak masa tu [itu] adalah daripada negara keturunan diaorang [mereka] daripada Arab jugak [juga] dan daripada Acheh. Di situ -- keturunan kita baru dia macam Sultan Perak, mak Sultan Perak dulu Sultan Idris yang buat tekat ni [ini], dia buat sendiri. Bonda Tuanku Raja Puan Kalsom dia time [masa] tu [itu] ajar dayang-dayang dari istana menekat sampai la sekarang kebanyakan semua boleh menekat. Benda tu [itu] berkembang-berkembang sampai la orang kebanyakan boleh menekat itulah ceritanya.
- AA : **Okay pada tahun berapakah Puan mula menceburি bidang seni tekat ini?**
- PAA : Tak jelas.
- AA : Puan memulakan untuk melibatkan diri dalam bidang seni tekat ini.
- PAA : Pada tahun berapa?
- AA : Ha [ya] pada tahun berapa.
- PAA : Okay saya *start* [mula] menekat tahun 1979, lepas [selepas] menekat tu [itu] dah [sudah] tahu *basic* [asas] saya ambil tempahan lah sikit-sikit lepastu [selepas itu] saya dapat tawaran mengajar dekat Perbadanan Kraftangan Cawangan Perak. Di situ -- saya sementara mengajar saya ada buat barang-barang prototaip, barang-barang contoh dan R&D [Penyelidikan dan Pembangunan] untuk kraftangan dan sampai sekarang lepastu [selepas itu] saya bersara tahun 1991,

saya bersara dengan Perbadanan Kraftangan dan saya bukak [buka] bengkel, bukak [buka] sampai sekarang.

- AA : **Okay. Pada pendapat Puan, antara seni kraf yg wujud dalam negara mengapa Puan memilih bidang seni tekat ini berbanding bidang kraf yang lain?**
- PAA : Saya tak tahu -- sebab saya tak tahu. Mungkin saya jugak [juga] berketurunan daripada keturunan-keturunan -- sebab apa yang tahu yang buat tekat ini cuma keturunan bangsawan masa dulu [dahulu] kan [bunyi pintu] dan bila saya selidik-selidik keturunan saya pun [juga] salah silihnya daripada itu jugak [juga], daripada keturunan raja mungkin sebelah ayah [gangguan orang luar], jadi tak [tidak] tahu saya dah [sudah] memang minat dari kecik [kecil] lagi nak [mahu] belajar tekat ni [ini], bila dah [sudah] ada kelas tu [itu] memang saya tak [tidak] lepaskan peluang saya terus belajar sampai sekarang lah, sampai menjana pendapatan.
- AA : Okay, jadinya Puan melibatkan diri dalam bidang ni kerana minatlah?
- PAA : Aah, minat sangat-sangat. Kalau tak minat memang dia takkan [tidak akan] jadi.
- AA & SU : Faham faham.
- AA : **Pada pendapat Puan, apakah keunikan yang membuatkan Puan melibatkan diri dalam bidang ini selain daripada minat? Keunikan bidang ini sendiri?**

[Terputus rangkaian Internet]

- SU : **Pada pendapat Puan, apakah keunikan yang membuatkan Puan untuk menglibatkan diri dalam bidang seni tekat benang? Keunikannya?**
- PAA : Keunikan tekat tu [itu], dia ada keunikan tersendiri la sebab kalau tengokkan [lihat] dia -- dia duduk dalam golongan sulaman. Tapi kan - sulaman dia ni [ini] itu yang unik, dia dari sulaman-sulaman yang lain. Itu sebab kita panggil dia tekat benang emas. Dia mempunyai nama khususnya tekat benang emas. Selalunya orang salah paham [faham], orang kata tekat ni [ini] tenun. Tenun bukan, tenun untuk songket. Tau [Tahu] dak [tidak]? Unik cara pembuatan dia, tau [tahu] dak tidak]? *Skill* (Cara) pembuatan dia tu [itu], kalau kita tengok [lihat] dari dekat memang dia memang unik pembuatan dia. Kalau kita tekat -- emas dia kalau kita tekat, emas tu [itu] atas pemidang sahaja di bawahnya takda [tidak ada] benang emas dah [sudah], benang biasa sahaja. Kalau kan - saya nak [hendak] cerita keunikan dia dengan cara teori susah sikit, dia kena tengok [lihat] sendiri cara keunikan dia tu [itu]. Okay?
- SU : **Okay. (Mengangguk) Adakah Puan pernah mengambil kelas untuk mempelajari tentang seni tekat benang ini?**
- PAA : Aah [Ya]. Sebelum ni [ini] memang kita selalu ambik [ambil] kelas walaupun kelas itu tak [tidak] diadakan di bengkel saya tapi selalunya kelas tu [itu] dianjurkan oleh Perbadanan Kraftangan, Giatmara, Kolej Komuniti. Kita pergi jugak [juga] dekat-dekat IPT [Institusi Pengajian Tinggi], Pusat Pengajian Tinggi di UPSI [Universiti Pendidikan Sultan Idris] - di Universiti Seri Iskandar. Kita dimintak [diminta] mengajar pensyarah-pensyarah kan? - Sebab sekarang ni [ini] tekat ni [ini] dia dah [sudah] masuk dalam silibus sekolah-sekolah menengah dan juga di IPT-IPT [Institusi Pengajian Tinggi]. (Gangguan Internet) ambik [ambil] budak-budak praktikal daripada UiTM [Universiti Teknologi

Mara], biasanya lah saya ambik yang ambik [ambil] kos *fashion* (fesyen), yang ambik [ambil] kos tekstil -- memang kita ambik [ambil], tapi tak [tidak] ramai la. Kalau saya ambik [ambil] di bengkel saya, saya ambik [ambil] dalam dua [2] - dua [2] orang macam tu.

- SU : **Baik, sebagai seorang yang berpengalaman dalam bidang seni kraf ini, pada pendapat Puan apakah perbezaan seni warisan tekat benang ini pada zaman dahulu dan sekarang?**
- PAA : Okay macam dulu kita pakai tekat ni [ini] adalah untuk golongan bangsawan, golongan raja-raja, golongan-gologan istana. Untuk perkahwinan sahaja kan, kalau dulu dikenali macam tu [itu] la. Tapi sekarang ni [ini] dengan penglibatan banyak badan-badan kerajaan macam kraftangan yang banyak membantu dari segi *design* [reka bentuk] yang buat R&D [Research and Development] macam-macam dia cuba untuk tenun atas songket, itu cuma inovasi, kan banyak dah yang buat tekat yang berinovasi yang menggunakan *pattern-pattern* [corak] baru. Corak lama tapi dibaharui ke moden lah, maknanya sekarang ni tekat bukan sahaja untuk perkahwinan tapi sekarang tekat untuk dibuat hiasan dalaman rumah, cenderamata dan juga sebagai *gift* [hadiah] kepada pesara-pesara, bagi kepada VIP-VIP [Very Important Person]. (Tersenyum)
- SU : **Pada pendapat Puan, apakah persepsi orang ramai tentang seni tekat benang ini?**
- PAA : Persepsi orang ramai sebenarnya diaorang [mereka] kagum la dengan cara pembuatan, kalau macam saya bukak [buka] bazaar - kalau bukak [buka] bazar kita selalunya bawak [bawa] pebidang kita dan menekat di depan bazar kita. Di situ baru orang tahu, kalau setakat bercerita kepada orang ramai masa kita ada *event* [majlis) tak [tidak] ada kesan

sebab diaorang [mereka] tak [tidak] faham, melainkan kita menekat di depan gerai kita, ha [ya] baru diaorang [mereka] faham, baru diaorang [mereka] tahu “oh” rupanya gini [begini] tekat, dia ingat tekat ada di mana-mana, sebenarnya tekat ini takde [tiada] di mana-mana dan takde [tiada] dijual di mana-mana kedai. Kalau nak [mahu], kena *order* [tempah] dan kena menempah.

- SU : **Baik, apakah kekuatan terbesar yang mempengaruhi Puan untuk terus berjuang dan bergiat aktif dalam bidang pembuatan tekat benang ini?**
- PAA : Apa tu [itu]?
- SU : **Apakah kekuatan terbesar ataupun sokongan lah yang mempengaruhi Puan untuk terus berjuang dan bergiat aktif dalam bidang pembuatan tekat benang ini?**
- PAA : Okay, kalau selalunya daripada jabatan kerajaan selalu membantu kita dari setiap segi, tapi sekarang pihak istana dah [sudah] mula campur tangan. Campur tangan untuk --- macam Permaisuri Perak dah [sudah] jadi penaung kepada kita punya - kita punya tekat ni [ini] lah dan kita dah [sudah] duduk di bawah Yayasan Sultan Azlan. Di situ lagi kita kena kerja kuat lah, sebab untuk menekat untuk VIP [Very Important Person] dan jugak [juga] VVIP [Very Very Important Person]. Jadi kita rasa macam, diaorang [mereka] pun [juga] sama - golongan kerabat diraja juga sama-sama bukak [buka] mata nak ambik [ambil] tahu, nak [hendak] tanya kekurangan, apa yang kita perlukan. Di situ kita rasa macam kita tak [tidak] ada la sorang-sorang [seorang] tekat, maknanya ada la dari pihak atasan yang terlibat membantu kita. --- (Terputus rangkaian Internet)
- SU : Puan boleh dengar ke suara?

- PAA : Ha [Ya] boleh-boleh.
- SU : Okay, kita sambung. Sepanjang penglibatan Puan dalam bidang kraf tekat benang ini, apakah antara cabaran utama yang dihadapi oleh Puan?
- PAA : Cabarannya kalau terputus bahan mentah lah kan? - Terputus bahan mentah, jadi kita nak *order* [tempah] balik, barang itu lambat sampai. Ha [Ya] itulah satu cabaran pada saya. Tapi sekarang ni kita dah ada satu syarikat atau *supplier* (pembekal) yang akan bekalkan terus barang kepadanya. Jadi tak ada masalah lah dari segi barang bahan mentah tak [tidak] ada la kan. Sebab buat masa ini kita dah [sudah] ada *supplier* (pembekal) yang bantu kita.
- SU : Oh okay (Mengangguk) Selain dari itu? Ada lagi ka cabaran?
- PAA : (Bunyi hujan) Cabaran dari segi bila dapat - kerja-kerja, *job* (kerja) besar la kan, daripada istana. Selalunya kalau daripada istana dia punya memang banyak lah, daripada kuantiti yang banyak. Jadi di situ, pun [juga] ada masalah nak [hendak] cari tenaga-tenaga mahir.
- SU : Tenaga mahir (Mengangguk). Selain dari itu? Dah tak [tidak] ada dah [sudah]? (Tersenyum)
- PAA : Tak [Tidak] ada dah, itu jelah [sahaja] masalah yang kita hadapi pun [juga].
- SU : Okay (Mengangguk). So (Jadi) bagaimanakah cara Puan menangani masalah tersebut?

- PAA : Hah? [Ya] (Bunyi Hujan). Cara-caranya ialah kalau dari segi tenaga pekerja atau tenaga mahir kita - kita maknanya kita akan selalu buat latihan, selalu perbanyakkan kelas untuk melahirkan tenaga pekerja baru.
- SU : Kalau terputus bahan mentah tadi, macam mana Puan nak tangani masalah itu?
- PAA : Kalau terputus bahan mentah tadi, kita ada *standby* [sediakan] dua [2] tiga [3] *supplier* [pembekal] kan. Maknanya kita tak [tidak] bergantung pada satu *supplier* [Pembekal] sahaja.
- SU : **Oh okay faham. (Mengganguk)** Okay soalan seterusnya, kita sering melihat bidang seni tekat ini dimonopoli oleh kaum hawa. **Pada pendapat Puan, adakah lelaki boleh turut serta melibatkan diri dalam bidang seni tekat benang ini?**
- PAA : Kalau sebelum-sebelum ini, selalunya kalau kita buat kelas tapi memang ada golongan lelaki yang *join* [serta] dan selalunya yang *best* [terbaik] *student* [pelajar] lelaki lah.
- SU : Oh yaka [betul ke]. (ketawa kecil)
- PAA : Bukan perempuan ye [ya], lelaki *best* [terbaik] *student* [pelajar]. (Tersenyum)
- SU : Ramai ke yang *join* (serta)?
- PAA : Kalau kat [dekat] Giatmara tu [itu] lima enam orang saja [sahaja]. Diaorang [Mereka] terdiri daripada *wedding-wedding planner*

(Perancang perkahwinan), yang *tailor-tailor* (Tukang jahit) yang ambik [ambil] *fashion* (Fesyen).

- SU : Okay soalan seterusnya adakah Puan berpendapat bahawa seni tekat benang ini merupakan sebahagian daripada warisan seni kraf yang terpenting dalam negara?
- PAA : Boleh jugak [juga] dikatakan begitu. Walaupun tekat ni [ini] tak [tidak] boleh dibuat *style* (reka bentuk) kilang - kalau mengikut kepada agensi kerajaan perbadanan kraftangan memang dekat Institut Kraftangan dekat Rawang [Selangor], dia ada satu tempat-tempat dilatih berbagai-bagi kraf di situ. Tapi cuma tekat benang emas je [sahaja] tak [tidak] ada sebab tekat benang emas ini, dia ni [ini] terlalu eksklusif tau [tahu]. Maknanya dia tak [tidak] boleh *produce* [keluarkan] *style* [reka bentuk] kilang. Faham tak [tidak]? Dia tak [tidak] boleh macam ada *order-order* (tempahan) dari luar negeri nak [mahu] dalam kuantiti banyak. Katalah cenderamata yang bersaiz enam inci kali enam inci, frame [bingkai], dia kata kalau nak [mahu] seratus [100] keping - saya rasa tak [tidak] mampu nak [hendak] buat sebab kita buat guna tangan seratus peratus [100%].
- SU : Oh, *original* (asli) dari tangan.
- PAA : Kita memang buat dari tangan seratus peratus [100%), bukan kita ada buat jahit mesin. Kalau jahit mesin itu dah [sudah] lain.
- SU : Okay seterusnya, sebelum menceburi bidang tekat benang ini, Puan ada cita-cita lain ke?
- PAA : Cita-cita lain tu [itu] banyak. (Ketawa) Nak [Hendak] jadi apa – nak [hendak] jadi polis lah, nak [hendak] jadi pramugari lah (Ketawa).

- SU : Okay (Tersenyum). Pada pendapat Puan, adakah bidang seni tekat ini harus digalakkan dalam kalangan masyarakat? Patut ke?
- PAA : Memang patut sebab memandangkan seni tekat ni [ini], kalau kita tengok dan kita kaji dah [sudah] semakin pupus tau [tahu], dah [sudah] semakin tak [tidak] dikenali. Jadi kena perbanyakkan program, perbanyakkan promosi dan kena perbanyakkan kelas untuk naikkan balik tekat ni [ini]. Di situ macam -- Institut Kraftangan memang dah [sudah] jalankan \_ diorang [mereka], daripada badan-badan kerajaan yang lain kan? - Sebab dia masukkan dalam silibus sekolah dan juga IPT [Institusi Pengajian Tinggi] untuk bagi orang tahu, untuk bagi orang kenal seni tekat ini.
- SU : Okay, adakah anak Puan turut terlibat mewarisi bidang seni tekat ini?
- PAA : Ya, anak saya dua orang ja [sahaja] perempuan dan nampaknya dua-dua terlibat. Yang nombor dua tu [itu] memang, kalau setakat dalam dua tiga tahun ni [ini], nampaknya dia - kalau ikutkan graf dah mengatasai saya.
- SU : Wah! (Tersenyum)
- PAA : (Ketawa) Dia ada program baru-baru ni [ini] dengan Permaisuri Agong dekat Putrajaya, peringkat antarabangsa yang mana Tuanku bawak [bawa] masuk penekat-penekat dari Turki.
- SU : Oh, dari antarabangsa pun [juga] ada eh [ya]?
- PAA : Ya. Dan dia jugak [juga] berpeluang ke luar negara -- ke London, Taiwan ke mana lagi - rata-ratalah dia pergi.

- SU : Anak yang kedua ke tadi?
- PAA : Anak kedua (Mengangguk) dan berusia 39 tahun.
- SU : Nama dia apa Puan?
- PAA : Yang awak *contact* (berhubung) dengan dia tu [itu]. (Tersenyum)
- SU : Oh yang itu. (Tersenyum)
- PAA : Kak Faz. Boleh tengok dia punya apa -- boleh bukak [buka] Facebook tengok dia punya program, macam-macam dia dah [sudah] *update* (muatnaik).

**TAMAT BAHAGIAN C**

## BAHAGIAN D: PENGHASILAN TEKAT BENANG

- SU : Okay Puan, kita ke bahagian seterusnya iaitu penghasilan tekat benang. Okay, soalan pertama boleh Puan ceritakan bagaimanakah cara penghasilan sulaman tekat benang? (Gangguan Internet) Puan dengar ke?
- PAA : Nak [Hendak] buat tekat benang emas ini kena ada kain, kain tu [itu] kita tegangkan atas pemidang dan tegangkan. Kain itu kain *cotton* [kapas]. Bila kita dah [sudah] tegangkan kain tu [itu], baru kita gam baldu dan baru letak *design* (reka bentuk) atau kita pergi ke proses-proses menekat benang emas. Kalau saya ceritakan secara teori ni [ini], saya rasa macam awak susah sikit nak [hendak] faham.
- AA : Dia kena tunjuk kan.
- SU : Okay soalan kedua, apakah jenis benang yang digunakan ---
- PAA : Ha ah [Ya]. Dia kena tunjuk, kena tunjuk.
- SU : Nama benang itu, untuk digunakan sulaman tekat benang ini?
- PAA : Untuk tekat benang emas - kalau dulu-dulu [dahulu], saya ceritakan dulu-dulu [dahulu] tahun 80 an [1980 an], 90 an [1990 an] kita masih lagi boleh jumpa benang emas yang bersalut emas betul okay? Benang emas tu [itu] kita panggil *pine gold chain* [rantai emas pokok]. Benang itu dari Leon [Perancis]. Tapi kita tak [tidak] dapat dah [sudah] benang tu [itu] sebab benang tu [itu], bila kita pi [pergi] cari balik ke France benang tu [itu], ia akan digunakan gram jadi dia ikut harga emas semasa jadi kita tak [tidak] mampu nak [hendak] pakai benang itu. Sekarang kita pakai benang *cotton* [kapas], benang

*cotton* [kapas] itu dari Jerman dan juga dari Jepun iaitu benang Madera dan juga benang Yemek. Madera adalah yang paling “A” lah. Macam Yemek *second grade* [kedua terbaik].

- SU : Berapa lama tempoh yang diambil untuk menyiapkan setiap rekaan sulaman tekat benang ini?
- PAA : Kalau *design* [reka bentuk] dia *simple* [ringkas], sehari dua hari boleh siap. Kalau *design* [reka bentuk] yang macam kita *frame* [bingkai] kecik-kecik [kecil-kecil], sehari dua boleh siap. Kalau kusyen, kalau *design* [reka bentuk] biasa yang kita buat tu [itu], kita boleh siap dalam lima ke enam hari satu kusyen. Kalau *design* [reka bentuk] yang lebih rumit macam Bunga Raya yang dah [sudah] dimodenkan tu [itu], yang itu ambik [ambil] masa dua minggu untuk sebijik [sebiji] kusyen.
- SU : Berapakah modal yang perlu diperuntukkan untuk menghasilkan satu jenis rekaan sulaman tekat ini?
- PAA : Dia bergantung kepada *design* [reka bentuk] yang dihasilkan. Kalau guna bahan yang banyak. Selalunya kalau dua biji *cushion* [bantal] kita jual dengan harga dua ribu lapan ratus [RM2800] untuk dua [2] biji.
- AA : Dua ribu lapan ratus [RM2800] untuk dua biji.
- PAA : Maknanya sebijik [sebiji] sembilan ratus [RM900]. Modalnya dalam tiga [3] ke empat ratus [RM400] lah. Upah *and then* [dan kemudian] untung.
- SU : Berapakah jenis sulaman tekat benang yang ada? Berapa?

- PAA : Setakat yang saya tahu memang banyak. Tapi kalau kita pergi cari memang banyak. Tapi setakat yang saya tahu dua saja [sahaja] - yang saya belajar dua saja [sahaja]. Tekat benang emas dan tekat gubah.
- SU : Tekat gubah?
- PAA : Tekat gubah ni [ini] dia lain sikit, harga dia murah sikit. Sebab dia tak [tidak] gunakan benang emas yang kita gunakan untuk tekat benang emas ini. Dia guna benang perak dan teknik-teknik dia memang jauh beza.
- SU : **Okay. (Mengangguk) Apakah peralatan yang digunakan untuk melakukan proses tekat benang ini? Peralatan yang utama lah.**
- PAA : Pertamanya pemidang, kain cotton [kapas] catron, baldu, benang emas, geligir digunakan untuk melilit benang emas itu. Geligir kita panggil alat tu. (Gangguan internet). Benang biasa, jarum kecil, jarum besar, gunting halus dan *getter* (Pemotong) - ha [ya] itu peralatan dia.
- SU : Okay, kejap [sekejap] ya Puan.
- PAA : Dengar ke apa yang saya cakap tadi?
- SU : Tak, dia terputus-putus Puan (Tersenyum)
- PAA : Siti...Siti...Siti Ubaidah
- SU : Ya saya, terputus-putus.

- PAA : Siti -- ha [ya] dengar tak [tidak]? Kalau nak [mahu] jumpa kita, kalau nak [mahu] jumpa saya kita ada *event* (majlis) dekat Hari Kraf Kebangsaan.
- SU : Di mana tu [itu]?
- PAA : Kraftangan Jalan Conlay. Pernah pergi tak [tidak] ke situ? Di Kraftangan Jalan Conlay sebelah Hotel Royale Chulan di KL (Kuala Lumpur).
- AA : Kami duduk di Kelantan. (Tersenyum)
- PAA : Oh tak [tidak] pernah pergi ke situ? Selalunya kalau kami ada *event* (majlis), budak-budak U [Universiti] semua turun tau [tahu].
- AA : Berapa hari bulan Puan?
- PAA : Satu hari bulan tiga.
- SU : Oh okay.
- SU : **Boleh Puan ulang balik apakah jenis-jenis corak sulaman tekat benang yang dihasilkan?**
- PAA : Okay-okay apa dia?
- SU : **Apakah jenis-jenis corak sulaman tekat benang yang dihasilkan?**
- PAA : Okay, corak-corak yang *familiar* (biasa) corak motif Bunga Kekwa, Bunga Raya, Bunga Orkid, Bunga Kerawang Pucuk Paku -- bunga

apa lagi, banyak bunga lah tapi [tetapi] yang *familiar* (Biasa) yang saya sebut tadi.

SU : Dalam banyak-banyak corak yang Puan sebut tadi yang mana pada pendapat Puan paling susah nak [hendak] buat?

PAA : Ya? Ya? Apa soalan tadi?

SU : Soalan saya, dalam banyak-banyak corak yang Puan nyatakan tadi yang mana paling Puan susah nak [hendak] buat?

PAA : Bunga Raya. Sebab [kerana] dia pahat-pahat, berpahat-pahat. Jadi dekat pahat tu [itu] kita kena jaga, kita kena bagi cantik lah pahatnya supaya di pahat itu nanti elak jadi jarang, jadi macam bertindih. Jadi kita pastikan dekat pahat-pahat Bunga Raya tiap-tiap kelopak tu [itu] benang dia akan terus ke bawah dan tak [tidak] ada jarang dan tak [tidak] ada bertindih. Ha [Ya] itula yang kita kena jaga. Kerja dia rumit.

SU : Okay, *next* (seterusnya) adakah setiap corak sulaman yang dihasilkan mempunyai maksud yang tersendiri?

PAA Saya tak [tidak] tahu orang dulu-dulu [dahulu] ada maksud ke tak [tidak]. Tapi setahu saya tekat ini dihasilkan daripada corak-corak tersebut sebab [kerana] orang dulu-dulu [dahulu] tengok [lihat] apa tanaman yang ada di keliling rumah dia, kan? - Di rumah dia ada Bunga Raya, ada bunga Kekwa ada bunga Orkid, jadi ia dihasilkan daripada apa yang dia tengok [lihat] di sekeliling rumah dia. Bunga Padi, orang dulu buat bendang, dia buat Bunga Padi kan.

SU : Kiranya dia hasilkan daripada sekitar dia la?

- PAA : Ha [Ya] daripada situ.
- SU : Okay faham. (Mengangguk) Bagaimanakah Puan mencari idea untuk membuat corak sulaman tekat benang tersebut?
- PAA : Idea-idea sebenarnya kita tak [tidak] lari daripada idea orang lama atau corak lama. Cuma kita perbaharui sikit [sedikit], makna kita lembutkan sikit [sedikit], kita buat dia macam --- kalau nampak bunga tu [itu] kaku, kita akan buatkan bunga tu [itu] nampak lembut, nampak beralun ha [ya] dan kita modenkan dengan cara untuk penerimaan orang generasi sekarang.
- SU : (Mengangguk) Apakah warna yang paling banyak digunakan dalam sulaman tekat benang ini?
- PAA : Warna yang paling banyak?
- SU : Ya. (Mengangguk)
- PAA : Kita tekankan kepada satu warna sahaja. Tekat benang emas je [sahaja], sebab itulah identiti dan konsep – kalau tekat tradisional mesti tekat benang emas adalah sikit-sikit [sedikit] tekat benang perak. Mengi \_\_ (Gangguan Internet) tekat benang perak tu [itu] sekarang mengikut permintaan *customer* [pelanggan].
- SU : Oh okay. (Mengangguk) Alright (Baiklah) dimanakah Puan mendapatkan bahan-bahan mentah tersebut bagi penghasilan tekat benang seperti kain, benang dan sebagainya? Dekat mana Puan dapatkan?

- PAA : Okay kita dapatkan -- dah [sudah] tentu kita dapatkan dari *supplier* (pembekal) kita kan? - *Supplier* (pembekal) kita tu, [tahu] mengambil barang-barang tu [itu] di Korea *and* (Dan) import dari Korea dan China.
- SU : Okay. Adakah bahan-bahan tersebut sukar untuk diperolehi?
- PAA : Kalau kita sendiri nak [mahu] *order* (tempahan) memang lambat lah, memang susah lah. Jadi dengan *supplier* (pembekal) ni [ini], dia ada hubung kait dengan kerja-kerja dalam istana jugak [juga]. Diaorang [Mereka] akan pergi ke -- diaorang [mereka] akan pergi ke tiap-tiap [setiap] negara macam Korea, China semua tu [itu] -- sebab diaorang [mereka] ada nak [hendak] beli barang-barang istana, barang-barang yang di *order* (Tempahan) sebab diorang pun sebuah syarikat yang buat fiuter. Fiuter diorang [mereka] buat untuk lambang-lambang kebesaran Dato, Tan Sri ha [ya] diorang [mereka] buat itu.
- SU : **Bangaimana pula dengan jenis material [bahan] kain? Apakah jenis material [bahan] kain yang digunakan?**
- PAA : Kalau tekat benang emas selalunya kita buat atas baldu.
- SU : Baldu (Mengangguk)
- PAA : Ya, kain baldu.
- SU : Baldu tu [itu], dia ia bertekstur lembut ka [ke]?
- PAA : Ha [Ya], dia bertekstur lembut. Ada yang - yang kalau yang dulu [dahulu] memang lembut lah, kalau dulu [dahulu] yang *double velvet* [baldu berganda] memang lembut. Tapi [tetapi] yang ada sekarang ni

[ini] kain baldu yang keluaran baru ni -- dia nama baldu dia Galena macam kasar sikit.

SU : Dalena?

PAA : Ha. [Ya] Galena.

SU : Galena oh. (Mengangguk)

PAA : Kain yang dulu [dahulu] yang lama *double velvet* [baldu berganda].

SU : *Double velvet* [baldu berganda]. Okay (Mengangguk). **Apakah antara produk yang dihasilkan melalui seni tekat benang ini?**

PAA : Okay, jenis-jenis produk yang boleh dihasilkan daripada tekat-tekat ni [ini] adalah macam sekarang ni [ini] yang paling *hot* (Panas) yang kita buat, yang mendapat permintaan ramai ialah *clutch bag* (Bag klac).

SU : *Clutch bag* (Bag klac).

PAA : Yes (Ya) *Clutch bag* (Bag klac).

SU : Selain dari itu?

PAA : Selain itu kotak-kotak bunga telur, kotak-kotak *accessories* (Barang perhiasan), *cushion* [bantal], frame [bingkai] \_\_\_. Itu dikatakan produk yang sentiasa mendapat permintaan orang ramai.

SU : *Clutch bag* (Bag klac) tu [itu] susah ke nak [hendak] buat Puan?

- PAA : Dia tak [tidak] susah. Cuma bila - saya cuma tekat benang sahaja kemudian saya akan pos ke KL [Kuala Lumpur] untuk buat beg.
- SU : Oh, tekat bunga sahaja.
- PAA : Saya tekat bunga sahaja, *and then* (Dan kemudian) saya akan hantar ke sana dan kawan saya akan jadikan bag. (Tersenyum)
- SU : Oh faham. (Mengangguk)
- PAA : Itu saya cakap satu hari bulan tiga boleh datang ke Hari Kraftangan di Jalan Conlay, boleh tengok-tengok, *shopping* (Beli belah) dan kita aka nada di sana selama dua belas [12] hari. Korang [Kamu] boleh tengok secara dekat pembuatan kita. Kita akan buat demo [demonstrasi].
- SU : In sha Allah [Jika diizinkan Allah] sebab sekarang ni [ini] kalau nak [hendak] pergi macam -- banyak kekangan sangat (Tersenyum).
- :  
PAA : Ya? (Tersenyum)
- :  
SU : Kalau ikutkan nak [mahu] *interview* (Temu bual) Puan secara *face to face* (Bersemuka), tetapi banyak sangat kekangan ha [ya] macam tu [itu]. (Tersenyum)
- :  
PAA : Oh! (Tersenyum)

#### **TAMAT BAHAGIAN D**

## **BAHAGIAN E : PERNIAGAAN AZYDAR ENTERPRISE**

- AA : Okay, baik Puan. Jadi sekarang kita beralih ke bahagian seterusnya iaitu tentang Perniagaan Azydar Enterprise.
- Perniagaan Puan kan? Okay, bila perniagaan ini ditubuhkan?**
- PAA : Perniagaan ini ditubuhkan pada 2006, tak [tidak] silap saya.
- AA : 2006, okay. **Siapa yang mencetuskan idea untuk menubuhkan perniagaan ini? Puan sendiri ke?**
- PAA : Bila kita dah [sudah] buat tekat, kita dah start [mula] komersialkan tekat ni [ini], jadi kita kena ada lesen lah, dah [sudah] tentu kena ada lesen untuk berurusan dengan kerajaan, berurusan dengan badan-badan kerajaan memang kena ada lessen, jadi kita - itulah tercetusnya Azydar Enterprise.
- AA : Azydar Enterprise, Azydar tu [itu] dari nama siapa itu?
- PAA : Dari nama saya, Azizah, suami - Sedi, Adam, Azydar.
- AA : Nama suami isteri?
- PAA : Azizah nama saya, nama suami, nama ayah lah -- jadi Azydar.
- AA : **Okay. Di manakah lokasi Azydar Enterprise ini? Di depan rumah Puan?**
- PAA : Aah [ya], saya punya bengkel depan [hadapan] rumah je [sahaja].
- AA & SU : Oh dekat je [sahaja], depan [hadapan] rumah.

- PAA : Ye [ya]. (Senyum)
- AA : **Bilakah bilangan pekerja yang turut bekerjasama untuk memajukan perniagaan Puan ini?**
- PAA : Saya ada enam [6] tujuh [7] orang macam tu [itu].
- AA : **Adakah semua pekerja Puan berpengalaman dalam bidang seni tekat ini? Ada mereka ambik [ambil] kelas ataupun sebagainya?**
- PAA : Diaorang [mereka] ni [ini] belajar, kemudian dari situ sampai sekarang dah [sudah] bekerja dengan kita bertahun.
- AA : Dah [sudah] banyak tahun lah. **Adakah semua pekerja Puan ni [ini] berasal dari negeri Perak?**
- PAA : Aah [ya], semua dari Perak, semua dari Kuala Kangsar. Kebanyakannya semua suri rumah.
- AA & SU : Suri rumah.
- AA : Semua perempuan ke? Semua wanita?
- PAA : Aah [ya], semua perempuan, ada sorang [seorang] tu [itu] laki [lelaki] doktor pakar kat [dekat] Ipoh. Dia tu [itu] macam lembut sikit lah, dia pun [juga] buat jugak [jugak]. Dia pun [juga] datang bengkel tolong sama lah.
- AA : **Boleh Puan kongsikan berapakah anggaran gaji yang Puan berikan kepada pekerja?**

- PAA : Dia tengok [lihat] pada tempahan, kalau tempahan nak [hendak] memerlukan tenaga pekerja ramai, jadi selalu diaorang [mereka] akan dapat lah dalam sebulan macam dua ribu [2000] macam tu [itu] lah, tengok [lihat] kepantasan diaorang [mereka] menjahit kerja ni [ini], kalau diaorang [mereka] boleh cepat dan kerja hasil cantik diaorang [mereka] boleh dapat lebih, ada yang tak [tidak] boleh nak *speed* [laju], dapat dalam seribu [1000] lebih je [sahaja].
- AA : Jadi bergantung kepada kepantasan pekerja tu sendiri lah?
- PAA : Aah [ya].
- AA : **Adakah Puan berhasrat untuk meluaskan perniagaan Puan ni [ini] di masa yang akan datang? Selain daripada dekat Kuala Kangsar? Nak bukak [buka] cawangan lain ke?**
- PAA : Tak kot [mungkin tidak] - masalah pengurusan, masalah sewa, masalah bertambah masalah. Jadi takat [setakat] ni [ini] dekat Kuala Kangsar je [sahaja] lah.
- AA : **Okay Puan. Jadi sekarang kita beralih pula ke bahagian seterusnya iaitu berkaitan dengan platform yang digunakan untuk mempromosikan perniagaan. Apakah platform yang digunakan untuk mempromosikan produk perniganan Puan ni [ini]?**
- PAA : Saya kalau tanya pasal platform selalunya anak saya yang uruskan. Melalui *post* [hantaran] je [sahaja], melalui media sosial FB [Facebook] segalanya lah, IG [Instagram] haa, itu bahagian *marketing* [pemasaran] anak saya yang bahagian *marketing* [pemasaran].

- AA : Anak yang Faz tadi tu [itu]?
- PAA : Faz haah [ya], Kak Faz tu [itu]
- AA : Kak Faz, okay.
- SU : Siapakah yang menguruskan platform tersebut, Kak Faz jugak [juga] ke?
- PAA : Nurfaizatol Fazleha, Kak Faz, bahagian tu [itu].
- SU : Okay.
- PAA : Kita pun [juga] ada buat *online* [atas talian], buat *live* [langsung], dia buatkan jugak [juga]. Buka [buka] *page* [laman Facebook] dia, tengok [lihat] akan jumpa apa dia punya aktiviti.
- AA : Jadi platform yang utama Facebook lah yang digunakan?
- PAA : Ye [Ya], Facebook, IG [Instagram] semua lah.
- AA : **Boleh Puan kongsikan berapa harga produk untuk setiap produk Puan? Dari mahal ke murah? Murah ke mahal?**
- PAA : Barang-barang saya mula daripada harga empat puluh ringgit [RM40].
- AA : Empat puluh ringgit [RM40], okay.
- PAA : Kalau paling murah pun ada lagi dua puluh ringgit [RM25], *keychain* [rantai kunci] dua puluh ringgit [RM25] sampai seratus [100], dua ratus ribu [200] lebih.

- AA : Oh, banyak tu [itu]
- PAA : Kalau ratus ribu tu, kita buat pelamin lah untuk tuanku, untuk istana lah.
- AA : Kebanyakannya produk yang dihasilkan untuk raja?
- PAA : Aah [ya], kebanyakannya sekarang ni [ini] kita duk [sedang] buat, tengah buat untuk istana negara dan juga untuk pejabat PM [Perdana Menteri]. Kita buat logo kerajaan, logo untuk istana negara. Ada harimau yang ada -- padi, jata negara. Sekarang kita tengah proceed [teruskan] tu [itu].
- AA : **Boleh Puan kongsikan produk pertama yang Puan berjaya jual?**
- PAA : Produk pertama - 40 tahun sudah (ketawa). Produk pertama yang saya jual apadia [apa itu] ye [ya], nak [hendak] ingat balik tu [itu] - produk pertama tu [itu] muka bantal.
- AA : Muka bantal?
- PAA : Muka bantal, bantal bulat, muka dia ha [ya]
- AA : **Pada pendapat Puan, adakah media sosial ni menjadi saluran penting untuk meluaskan perniagaan Puan ni?**
- PAA : Ya, memang penting memberikan kesan yang ketara.
- AA : Banyak la dapat?

- PAA : Selalu kita buat *live* [langsung], orang akan *call* [telefon] nak [hendak] tempah.
- AA : Seterusnya boleh Puan kongsikan dalam tempoh setahun berapa banyak produk sulaman yang berjaya Puan jual?
- PAA : Tak [tidak] tahu lah, berapa ya? (senyum sambil memikirkan)
- AA : Anggaran?
- PAA : Dalam dua ratus k [200 000] lebih lah.
- AA : Banyak jugak tu.
- PAA : Nak [Hendak] hasilkan satu pelamin pun enam [6] bulan.
- AA & SU : Oh lama.
- PAA : Aah [ya], enam [6] bulan. Tengoklah kalau bunga dia senang, cepat lah, boleh tiga [3] bulan. Yang mana kita buat bunga paling teruk tu [itu] bunga untuk raja di hilir tu [itu] ada enam [6] bulan.

**TAMAT BAHAGIAN E**

## **BAHAGIAN F: BANTUAN DAN PERKHIDMATAN**

- AA : Okay seterusnya kita beralih pada bahagian bantuan dan perkhidmatan. Okay, adakah Puan ada dapat apa-apa bantuan dari mana-mana pihak di Malaysia?
- PAA : Bantuan? Kita ada dapat masa PKP [Perintah Kawalan Pergerakan]. Sebelum kita dapat untuk baik pulih bengkel, kita dapat daripada Perbadanan Kemajuan Kraftangan. Lepastu [Selepas itu] PKP [Perintah Kawalan Pergerakan], kita dapat bantuan usahawan yang terjejas PKP [Perintah Kawalan Pergerakan]. Diaorang [Mereka] ada bagi sikit lepastu [selepas itu] ada la bantuan-bantuan lain, bantuan bahan mentah.
- AA : Jadinya bantuan yang dapat tu [itu] dari segi wang dan bahan mentah lah?
- PAA : Ya.
- AA : Tadi Puan cakap Puan ada menyediakan perhidmatan tempahan, boleh Puan kongsikan berapa banyak tempahan yang Puan akan dapat dalam masa sebulan?
- PAA : Sebulan tengok kalau rumit kita buat cushion [bantal] dua puluh empat [24] biji, cushion [bantal] kecil [kecil] tau [tahu], dia bukan saiz besar yang biasa, yang tujuh belas [17] inci tu [itu]. Cushion [Bantal] tu [itu] sepuluh [10] inci je [sahaja] untuk nak hadiah dekat duta-duta.
- AA : Adakah Puan pernah menolak apa apa tempahan daripada pelanggan? Jika pernah mengapa Puan menolaknya?

- PAA : Tempahan yang menolak -- kita tengok lah kalau kita tak [tidak] mampu buat kita tolak lah, macam pelik pelik sangat design [reka bentuk] dia takleh [tidak boleh] buat kita minta maaf la. (ketawa)
- AA : Faktor tolak sebab susah?
- PAA : Dah [Sudah] *design* [reka bentuk] pelik pastu [selepas itu] nak [hendak] cepat hah *sorry* [minta maaf] lah (ketawa)
- AA : **Adakah Puan ada menyediakan kelas bagi orang ramai bagi mempelajari seni tekat benang ini?**
- PAA : Ada ada, siapa nak kelas boleh datang. Satu kelas empat ratus lima puluh [450], semua barang saya sediakan.
- AA : **Okay kelas buka daripada usia?**
- PAA : Tak [Tidak] terikat. Nak [hendak] masuk kelas saya boleh je [sahaja]. Tak [Tidak] semestinya kalau dia tua, dia tak [tidak] boleh buat dan tak semestinya kalau dia terlampau muda, dia pun [juga] tak [tidak] boleh buat kan. Kalau dia minat, dia akan boleh buat.
- SU : Betul, dia semua atas minat.
- PAA : Atas minat, minat jadi. Tekat ni [ini] kena minat dan kena sabar. Sabar memang nombor satu lah. Tak [tidak] sabar (geleng kepala) -- sebab kerja saya nak cepat, jadi kan memang nak [hendak] kena sabar banyak la. Saya pun [juga] bukannya jenis penyabar tapi dengan tekat, saya boleh jadi sabar. (ketawa)

- AA : Okay. Adakah Puan pernah bekerjasama dengan mana-mana badan-badan organisasi untuk menyediakan kelas ni [ini]? Ada diaorang [mereka] bagi sumbangan ke apa?
- AA : Okay dengar lagi tak [tidak]?
- SU : Boleh ke dengar?
- PAA : Haah [ya]
- AA : Okay kita sambung. Adakah Puan bekerjasama dengan mana-mana badan-badan organisasi untuk menyediakan kelas bidang seni tekat ni [ini]?
- PAA : Ye [ya], kita ada pernah bekerjasama dengan Koridor Utara - untuk kelas selama enam [6] bulan di sebuah resort.
- SU : Di mana tu [itu] Puan?
- PAA : Di Kuala Kangsar jugak [juga].
- SU : Oh di Kuala Kangsar jugak [juga].

**TAMAT BAHAGIAN F**

## **BAHAGIAN G : PENCAPAIAN DAN SUMBANGAN**

- AA : Okay seterusnya kita nak [hendak] tentang pencapaian dan sumbangan Puan. Sepanjang berkecimpung dalam bidang seni kraftangan ni, adakah Puan pernah memenangi apa-apa anugerah? Jika pernah, boleh Puan kongsikan beberapa anugerah tersebut?
- PAA : Saya pernah dapat -- saya pernah menang Pertandingan Sulaman peringkat kebangsaan pada 1997. Saya johan Pertandingan Sulaman. Kemudian saya pernah dapat daripada Perbadanan Kraftangan -- Anugerah Mikro, Kraf Mikro pada 2010. Kemudian saya pernah dapat pingat daripada sultan, pingat PPT [Pingat Perkhidmatan Terpuji] daripada Tuanku Sultan Perak pada 2017 -- 2000 berapa eh - - 2009.
- AA : Yang paling terbaru anugerah 2009 tu [itu] ka [ke] ada lagi?
- PAA : Haah [ya], 2009. Dan tahun ni tak [tidak] tau [tahu] dapat ke tak [tidak], diaorang [mereka] ada calon untuk Adiguru.
- SU : Oh! Adiguru.
- AA : In sha Allah [Jika diizinkan oleh Allah] dapat la tu. Okay.
- PAA : (Ketawa)
- AA : **Okay, antara anugerah yang Puan peroleh yang mana satu paling dekat di hati Puan? Puan rasa seronok sangat bila terima.**
- PAA : Mestilah dapat pingat tuanku. (ketawa)

- AA : Okay.
- PAA : Dapat dari tuanku lagi (ketawa)
- AA : **Okay (ketawa). Adakah Puan mempunyai sijil-sijil khusus dalam bidang seni tekat ini [ini]?**
- PAA : Ada juga, sijil-sijil dalam tapi sijil-sijil selalu kita -- program yang kita masuk lah, ada macam-macam program jadi keluarkan sijil. Macam Adiguru ni pun [juga], dia banyak kraftangan ni [ini] -- banyak kategori anugerah yang dia nak [hendak] bagi tapi tengok pada umur, kepada saingan saya tu [itu], markah dari *interview* [temubual], dia bukan dapat terus saja [sahaja].
- AA : **Okay. Apakah kejayaan terbesar yang tidak boleh Puan lupukan dalam bidang seni warisan tekat benang ini?**
- PAA : Apadia [Apa] ye [ya]? (Sambil berfikir) Selalu takde [tidak ada] la sampai macam -- macam mana nak [hendak] cakap ya. Takde [Tidak ada] kot [mungkin].
- AA : Yang barang ke luar negara tadi tu [itu] semuanya kebanyakan anak Puan ke?
- PAA : Mana?
- AA : Tadi Puan cakap Puan pernah, produk pernah sampai ke India kan? Itu semua daripada Puan atau anak Puan?
- PAA : Masatu [Ketika itu] anak saya tak [tidak] terlibat lagi. Di India tu [itu], masa 2002 anak saya masih belajar. Saya pergi ke Hyderabad,

kita ada bazaar -- kita ada seminar -- kita ada kelas kat [dekat] sana selama dua [2] minggu.

- AA : Jadinya Puan pergi sendiri la ke sana?
- PAA : Saya pergi dengan Perbadanan Kraftangan, dengan pengarah. Selalunya kita pergi ditaja. Kalau kita nak [hendak] pergi sendiri, takkan [tidak akan] pergi -- (ketawa) sebab tak mampu. Macam saya pergi London dua [2] kali, *London Visit Malaysia 2007* saya ada pergi sekali lepastu [selepas itu] saya pergi ke *Face of Malaysia* masa tu [itu] dengan Group [kumpulan] Rosmah, Rosmah punya rombongan 2011. Kemudian saya pergi ke Paris nak bawak [bawa] \_ nak [hendak] diwartakan di UNESCO [United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization] dekat Paris 2012. Kemudian saya pergi London lagi sekali 2012 jugak [juga], masa tu [itu] kita ada pameran dekat -- kira diaorang [mereka] punya universiti untuk barang-barang seni lah, diaorang [mereka] nak [hendak] ambik [ambil] -- sarjana semua dan kita mengajar, kita ada demo [demonstrasi] dan pameran dekat situ sebab pelajar-pelajar situ pun ada pernah datang ke Malaysia lima [5] orang dan kita sendiri ajar dia di sini. Kemudian kita dijemput ke sana untuk membuat pameran di London.
- AA : Antara kebanyakan negara ni [ini] negara mana yang paling Puan selalu pergi? London?
- PAA : Saya suka London lah (ketawa)
- AA : Oh suka London, okay.
- PAA : Dekat US [United States] tak [tidak] suka sejuk sangat. Dekat US [United States] pergi jugak [juga] dengan \_\_\_. Dekat US [United

States] tu [itu] kita buat bazaar, kita buat pameran dekat depan National Geographic dekat US [United States].

- AA : Okay, dah lama Puan berkecimpung dalam bidang seni tekat ini, adakah Puan sudah berpuas hati dengan pencapaian yang Puan perolehi setakat ini?
- PAA : Setakat ini -- nak kata tak [tidak] puas hati tu [itu], puas hati jugak [juga] lah kan. Sebab bukan senang nak [hendak] bertahan sampai ke tahap ini kan, jadi saya bersyukur cuma -- saya suka berangan tau [tahu], saya berangan dengan Kak Faz kita nak [hendak] bukak [buka] galeri lah tapi takda [tidak ada] orang bawak [bawa] keluar modal (ketawa). Saya nak tunggu tuanku keluar modal (ketawa). Tuanku memang cadang sebab bengkel saya ni masuk dalam kampung tau [tahu], belakang istana je [sahaja] jadi tuanku cakap buat bengkel kat [dekat] luar lah. Dulu dia ada syorkan [cadangkan] nak [hendak] buat bengkel -- (gangguan Internet) depan [hadapan] istana tu [itu], jadi kami tunggu la kalau ada -- (gangguan Internet) -- kita kena jagalah bengkel tu.
- SU : Faham, okay.
- AA : Okay jadinya, antara misi yang Puan belum capai nak bukak [buka] galeri cuma ada masalah kekangan?
- PAA : Ya, nak bukak [buka] galeri.
- AA : Nak bukak [buka] galeri, okay.
- PAA : Masalah kita, bila kita nak [mahu] -- tuanku nak [hendak] buat galeri tu [itu], ada dua tiga orang nak [hendak] buat jugak [juga]. Jadi benda tu [itu] dah [sudah] tertangguh, dah [sudah] bertahun – tak [tidak]

buat juga. Kata kemarin Razuan Razwir, nak [hendak] buat pastu [selepas itu] sengap [senyap], pastu [selepas itu] ada pulak CEO \_\_\_\_ nak [hendak] buat pastu [selepas itu] sengap [senyap] juga, pastu [selepas itu], tak [tidak tau [tahu] sekarang apa cerita.

**TAMAT BAHAGIAN G**

## **BAHAGIAN H: HARAPAN DAN NASIHAT**

**AA** : Okay seterusnya bahagian terakhir sekali, bahagian harapan dengan nasihat. Apakah impian Puan terhadap seni tekat benang ini?

**PAA** : Nasihat saya -- biar la ramai orang muda dapat belajar tekat besok [esok] kalau saya takde [tiada], tekat ni [ini] akan pupus macam tu [itu] je [sahaja] kan -- sebab kan orang-orang muda memang tak minat, diaorang [mereka] belajar sekerat jalan sebab diaorang [mereka] ada kelulusan takkan [tidak akan] diaorang [mereka] nak [hendak] menekat. Diaorang [Mereka] ada kelulusan, baik bekerja luar daripada nak [hendak] duduk satu hari. Saya -- satu hari kalau saya menekat berpuluhan jam saya duduk dekat pemidang saya tu [itu], sebab saya kalau dapat satu job [kerja], satu kerja saya nak [mahu] siapkan barang tu [itu] cepat dan dua puluh [20] puluh jam dah [sudah] tentu dok [duduk] kat [dekat] pemidang -- dengan tak [tidak] masak dengan tak [tidak] apanya, kita cuma pergi makan, semayang (solat) tu kan. Malam tu [itu] kita menekat sampai pukul empat [4] lima [5] subuh, kita menekat lagi dekat bengkel tu [itu]. Jadi kan -- golongan muda tentu tak [tidak] daknya (mahu) macam tu [itu] -- bosan kan. Jadi kena banyak latihan, nak [hendak] kena banyak lagi promosi sebab sapa yang nak menekat -- ada tujuh [7] lapan [8] orang ni [ini], diaorang [mereka] dah [sudah] tahu, diaorang [mereka] dah [sudah] ada jiwa. Setengah tu [itu], dia buat kerja dia takde [tiada] jiwa.

**AA** : Apakah perkara yang memberikan motivasi kepada Puan untuk terus membuat seni tekat benang ini?

**PAA** : Motivasi tu [itu] maksudnya macam mana ye [ya]?

- AA : Macam Puan cakap susah, ada kekangan wang kadang-kadang, macam mana Puan -- seperti kita tahu Puan pun dah [sudah] lama dalam bidang ini, Puan terdetik tak [tidak] nak [mahu] berhenti? Sebab seni tekat benang ini memerlukan kesabaran yang tinggi.
- PAA : Dulu pernah rasa macam -- nak *give up* [putus asa], kata ish (mengeluh) malaslah nak [hendak] buat dah [sudah], tak [tidak] larat kan. Jadi fikir pulak, eh ini rezeki Tuhan nak [mahu] bagi kita, takkan [tidak akan] kita nak [hendak] sia-siakan macam tu [itu] je [sahaja] kan. Maknanya, saya akan menekat sampai akhir hayat saya la nampaknya (ketawa). Sebab tak [tidak] menekat tak [tidak] boleh, menekat tu jiwa -- dia akan *happy* [gembira], jadi seronok dengan kerja kita tu [itu] -- kerja sendiri kan. Cuma kita kena -- kalau dapat *order* [tempahan] tu [itu], kena cepatkan *order* [tempahan], kalau boleh sebelum tarikh diaorang [mereka] nak [mahu] ambik [ambil] lah, kena siap sedia dah [sudah] ha -- saya suka macam tu [itu], betul tak [tidak]? Jadi kita tak [tidak] kelam kabut, kita takde [tidak] macam jadi huru hara -- jadinya siang malam tak [tidak] tidur sebab nak siap barang, dapat *order* [tempahan] terus buat, okay.
- AA : **Okay. Pada pendapat Puan, apakah kriteria atau sikap yang perlu ada pada seseorang jika mahu melibatkan diri dalam bidang seni tekat benang ini?**
- PAA : Kriterianya kenalah -- satu sabor [sabar], satu minat lepastu [selepas itu], sabor (sabar) lepastu [selepas itu] rajin, usaha lepastu [selepas itu], dia *tak give up* [putus asa] dan dia mesti berhati kental kan. Kadang-kadang ada jugak [juga] kita macam -- ya Allah ramainya belajar, ada tidur kat [dekat] bengkel saya, dua [2] hari dua [2] malam, kita siapkan barang -- pernah -- saya tak [tidak] tidur tiga [3] hari tiga [3] malam -- pernah.

- SU : Tiga [3] hari tiga [3] malam Puan tak [tidak] tidur.
- PAA : Aah [Ya], tiga [3] hari tiga [3] malam malam kita tak [tidak] tidur, pernah -- tapi bila dah [sudah] siap itu lega -- tidur je [sahaja] lah lepastu [selepas itu], kita akan tidur je [sahaja], jangan kacau (ketawa)
- SA : Dia seakan-akan macam beban dah [sudah] terlepas.
- PAA : Haa [Ya] -- tanggungjawab orang dah [sudah] bagi kan. Kita kena buat dengan apa cara sekalipun.
- AA : **Sebagai seorang tekat benang berpengalaman, boleh Puan berikan kata-kata semangat nasihat untuk anak-anak muda yang mahu berjinak dalam bidang seni tekat benang ini?**
- PAA : Kata-kata nasihat saya ialah -- ambillah tahu dan cubalah cari dan cubalah belajar. Tekat ni [ini] sebenarnya adalah satu seni yang kita katakan dah [sudah] legend, dah [sudah] kata orang warisan, dah jadi macam -- dia ni kan macam lagenda dah [sudah]. Kraf ni [ini] kalau kita tengok [lihat], dia punya usia berapa ratus tahun -- (gangguan Internet), sebab saya pernah pergi ke Muzium Islam, masa tu [itu] tahun 2010. Saya masuk dalam muzium saya terkejut tengok pelana kuda buat daripada tekat, berapa ratus tahun tu [itu] -- kita nak [hendak] kira makna sebelum tu [itu] dah [sudah] ada, dia buat pelana kuda, tutup pelana kuda tu [itu]. Sebab tekat ni [ini] dia ada gabungan banyak tau [tahu], bukan Arab saje [sahaja], ada Cina Baba pun ada jugak [juga] tekat dekat kasut diaorang [mereka] pun [juga] tengok [lihat] ada juga tekat, macam India-India pun ada jugak [juga] tekat ni [ini] tau [tahu] dak [tidak] -- campur-campur.
- SU : Dia pelbagai la.

- PAA : Aah [Ya], pelbagai. Berbagai keturunan dulu-dulu kita tak [tidak] tahu kerana campur-campur.
- AA : **Bidang seni tekat ni [ini], selain daripada kaum Melayu, kaum apa lagi yang banyak melibatkan diri? India?**
- PAA : Kaum Melayu je [sahaja] lah, India tak -- dia lain. Bila saya pergi Hyderaban, Hyderaban tu [itu] kan -- tempat Institute Technology of Embroidery [Institusi Teknologi Sulaman] ha -- bayang satu dunia berkumpul kat [dekat] situ. Saya ingatkan bila saya pergi sana tentulah dia ada tekat macam kita -- tapi sebenarnya tak [tidak] -- kita je [sahaja]. Dari Malaysia je [sahaja] yang bawak [bawa], diaorang [mereka] pelik tengok [lihat] kita, saya pun pelik tengok [lihat] diaorang [mereka]. (ketawa) Diaorang [mereka] takde [tidak ada] bawak [bawa] apa, saya pergi bawak [bawa] pemidang empat [4]. Saya bukak-bukak [buka-buka] pemidang saya, saya *set up* [sediakan] pemidang saya, yang negara-negara lain ni [ini] semua datang berkerumun (berkumpul) dekat saya. Dia tengok saya nak [mahu] buat apa. Sedangkan diaorang [mereka] datang dengan beg plastik, yang beg-beg plastik tu [itu] -- diaorang [mereka] bawak [bawa] ram, ram apa untuk sulam tu [itu] -- diaorang [mereka] ram tu [itu] je [sahaja]. Diaorang [Mereka] buat dalam ram, diorang [mereka] buat la diorang [mereka] punya sulaman, *chicken curry* [rempah kari] la apa semua -- eh kita bawak [bawa] dengan pemidang. (ketawa) Lepastu [Selepas itu], diaorang [mereka] datang la tanya, \_\_ surat khabar dari \_\_ nak mintak [minta], boleh tak [tidak] *stay* [tinggal] kat [dekat] sini, ajar orang-orang kita buat -- pasaipa [kenapa] apa pulak [pula]. (ketawa) Ha [Ya], Turki ada, Turki ada sama macam kita tapi Turki tak [tidak] join [sertai] masa -- bazaar seminar dia tak [tidak] join [sertai]. Turki sebijik [sama] macam kita. Yang buat kelambu Kaabah tu [itu], ha [ya] tu [itu] teknik sama, sama tekat tu [itu], sama

dia punya konsep, dia punya *skill* [kemahiran] sama, Kelambu Kaabah tu [itu].

**AA** : Okay. Akhir sekali, apakah harapan Puan terhadap seni warisan tekat benang pada masa sekarang?

**PAA** : Harapan saya biar terlahirnya lebih ramai lagi usahawan tekat kan -- yang muda-muda ni [ini], kalau boleh buatlah tekat tu [itu] -- belajar dengan bersungguh-sungguh, sebab apa seni ni [ini] macam dia -- ada satu masa hari dah [sudah] nak [hendak] pupus, masa tu [itu] takde [tiada] masuk dalam silibus sekolah-sekolah semua takde [tiada]. Jadi kan -- kita pun bincang, *meeting* [mesyuarat] balik, kata macam mana nak [mahu] naikkan balik tekat ni [ini], macam mana nak [hendak] bagi orang kenai [kenal] sebab tekat ni [ini] pelan-pelan [perlahan-perlahan] pupus. Kita tak [tidak] setanding macam batik, macam songket kan -- sama je [sahaja] konsep. Macam songket pun [juga], takde [tidak ada] dia punya -- diaorang [mereka] dah [sudah] pakai [guna] mesin dah [sudah] sekarang ni [ini], kita tak [tidak] boleh. Tekat tak [tidak] boleh, dia kena jahit tangan *hundred* [ratus] *percent* [peratus] [100%). Jadi, macam IPT [Institut Pengajian Tinggi] pun [juga], sekarang kita dah masuk IPT [Institut Pengajian Tinggi], mengajar-mengajar *student-student* [pelajar-pelajar]. Nampaknya dah [sudah] - nampak banyak ke arah nak [mahu] naikkan balik tekat tu [itu] lah. Jadi harap biarlah ia berkekalan sampai seratus [100] tahun, bila-bila. Itu harapan saya.

**TAMAT BAHAGIAN H**

## **PENUTUP**

- AA : Okay Puan. Dengan ini tamatlah sesi temubual kita pada hari ini. Kami nak ucap terima kasih banyak-banyak sudi luangkan masa, maaf ada banyak gangguan.
- SU : Terima kasih Puan. Terima kasih banyak-banyak bagi kerjasama.
- PAA : Okay, jumpa lagi. Ada masa datanglah ke bengkel saya.
- AA : Ha [Ya], in sha Allah [Jika diizinkan oleh Allah].
- PAA : Tak lama pun [juga], dua [2] jam je [sahaja].
- SU : Nanti ada masa kitaorang [kami] datang bengkel Puan nanti.
- PAA : Bila nak [hendak] mai [datang] habaq [beritahu] lah.
- AA & SU : Ha [Ya], in sha Allah [Jika diizinkan oleh Allah]. (ketawa)

# LAMPIRAN

## LOG WAWANCARA

Nur Aimi Atirah binti Abdul Malik dan Siti Ubaidah binti Mohd Zaini telah menemubual Puan Azizah binti Adam yang dilahirkan pada tahun 1960, di Perak. Temubual ini dijalankan secara atas talian melalui platform Google Meet, mengenai latar belakang dan pengalaman beliau sebagai seorang penekat benang emas.

MASA	SUBJEK	NAMA/ TEMPAT/ RUJUKAN
00:00	Sesi pengenalan nama penembual, tarikh temubual dijalankan	Nur Aimi Atirah binti Abdul Malik Siti Ubaidah binti Mohd Zaini 21 Januari 2023

### BAHAGIAN A: LATAR BELAKANG

00:54	Sesi pengenalan dan latar belakang tokoh	Azizah binti Adam 20 November 1960 63 tahun Melibatkan diri dalam seni tekat benang emas hampir 44 tahun Dilahirkan di Changkat Jering Taiping, Perak
2:14	Menceritakan tentang ibu bapa dan adik beradik	Nama ibu Hajah Khadijah binti Haji Ismail Nama bapa Adam bin Yasin 8 orang adik beradik Anak sulung
4.48	Menceritakan tentang suami dan anak-anak	Menamatkan zaman bujang tahun 1980 Mempunyai 4 orang anak Anak pertama bekerja di Kraftangan Malaysia Kuala Lumpur Anak kedua terlibat dengan usahawan seni tekat sepenuh masa Anak ketiga bekerja dekat KTM Anak keempat kerja di Hospital Tanjung Rambutan

### BAHAGIAN B: PENDIDIKAN

07:23	Pendidikan	Sekolah Rendah Datin Khadijah Kuala Kangsar Sekolah Menengah Raja Perempuan Kalsom, Kuala Kangsar
8:51	Jawatan semasa sekolah	Pengawas Perpusatakan Sekolah
9:10	Guru yang paling ingati	Puan Sharifah Cikgu Nisyam
10:14	Peristiwa tidak dapat dilupakan oleh Puan sebagai seorang pelajar	Kena denda berdiri tengah panas sewaktu sekolah rendah

### **BAHAGIAN C: PENGALAMAN KERJAYA**

11:32	Kerjaya awal selepas menamatkan pengajian	Pelbagai kerja sambilan Mengikuti kawan
11:42	Mula menceburi bidang seni tekat	1979 Kelas kemas untuk seni tekatan benang emas
13:03	Sejarah bidang seni tekat	Negara Arab Dibawa oleh pedagang-pedagang Arab ke Aceh Sultan Perak ketika itu, mempunyai keturunan dari Arab dan Aceh Emak kepada Sultan Idris, Raja Puan Kalsom yang memulakan seni tekat
15:02	Memulakan kerjaya dalam seni tekat	Mengambil tempahan mendapat tawaran mengajar dekat Perbadanan Kraftangan Perak Membuat barang contoh, barang prototaip serta R&D untuk kraftangan

15:26	Berhenti bekerja dengan perbadanan	Perbadanan Kraftangan Perak 1991
15:32	Memulakan perniagaan sendiri	Membuka bengkel
16:30	Mula meminat bidang seni tekat	Dari kecil Minat yang mendalam
18:44	Penglibatan dalam kelas seni tekat benang	Dianjurkan oleh Perbadanan Kraftangan, Giatmara, Kolej Komuniti, IPT Mengajar pensyarah-pensyarah universiti
19:08	Seni tekat dalam pembelajaran	Silibus sekolah menengah Pendidikan di IPT
19:51	Perbezaan seni tekat dahulu dan sekarang	Khas untuk gologan kerabat diraja, bangsawan dan perkahwinan Diinovasi Corak lama tetapi diperbaharui ke moden Perhiasan dalaman rumah Cenderamata
21:20	Persepsi masyarakat tentang seni tekat	Kagum Menekat di hadapan orang ramai Bazaar

21:44	Kekuatan dan sokongan	Percampuran pihak istana Permaisuri Raja Perak menjadi penaung Yayasan Sultan Azlan
23:40	Cabaran	Terputus bahan mentah Banyak tempahan Kekurangan tenaga mahir
25:18	Cara menangani isu yang timbul	Membuat latihan Perbanyakkan kelas Molahirkan tenaga kerja yang baharu Persediaan pembekal dalam jangka masa yang panjang Ramai pembekal
26:18	Penglibatan lelaki dalam bidang seni kraf	Lelaki pelajar terbaik 5 ke 6 orang
27:20	Kepentingan seni tekat benang emas	Warisan seni negara yang terpenting Ekslusif Jahit tangan 100%
28:33	Cita-cita sebelum menjadi penekat benang	Khayalan sewaktu sekolah Polis Pramugari
28:59	Galakan seni tekat dalam masyarakat	Semakin pupus Perbanyakkan program Perbanyakkan kelas Perbanyakkan promosi
29:41	Penglibatan anak mewarisi bidang seni tekat	Dua orang anak perempuan Anak kedua 39 tahun Nor Faizatol Fazleha Aktif Putrajaya London

		Taiwan
--	--	--------

#### **BAHAGIAN D: PENGHASILAN TEKAT BENANG**

31:30	Cara pembuatan sulaman tekat benang emas	Kain pemidang Gam baldu Reka bentuk Proses-proses menekat benang emas
32:20	Jenis benang	Pine gold chain Leon Perancis Mahal Benang cotton iaitu Madera dan Yemek Madera gred A
33:37	Tempoh untuk siapkan sulaman tekat benang	Bergantung kepada design Design mudah, sehari ke dua hari Design rumit, lima ke enam hari Dua minggu untuk sebiji kusyen
34:20	Modal	Bergantung kepada design Dua biji kusyen berharga RM2800 Sebiji kusyen berharga RM900 Modal RM300 ke RM400
35:13	Jenis sulaman tekat benang	Tekat gubah Tekat benang emas Tekat gubah lebih murah, menggunakan benang perak dan teknik juga berbeza
36:04	Peralatan untuk menekat benang emas	Pemidang, kain pemidang, baldu, benang emas, geligir, benang biasa, jarum kecil, jarum besar, gunting dan pemotong

38:54	Jenis corak sulaman tekat benang	Bunga Kekwa, Bunga Raya, Bunga Orkid, Bunga Kerawang Pucuk Paku Bunga Raya paling sukar
41:17	Idea untuk menghasilkan sulaman tekat benang emas	Idea dari orang lama Corak lama Perbaharui Moden
42:04	Warna	Emas Perak mengikut permintaan pelanggan
42:48	Bekalan bahan mentah	Pembekal Import barang Korea China
43:52	Jenis material kain yang digunakan	Baldu Double Velvet Galena
44:37	Produk yang dihasilkan	Beg klac Kotak-kotak bunga telur Kotak-kotak perhiasan Kusyen Beg

#### **BAHAGIAN E: PERNIAGAAN AZYDAR ENTERPRISE**

46:43	Penubuhan Perniagaan Azydar Enterprise	2006 Lesen
47:32	Idea nama perniagaan	Nama Puan Azizah Nama suami Nama ayah
47:57	Lokasi	Hadapan rumah

48:13	Pekerja Perniagaan Azydar Enterprise	6 ke 7 orang sahaja Berpengalaman dalam seni tekat benang emas Berasal dari Kuala Kangsar, Perak Kebanyakan suri rumah
49:37	Gaji pekerja	Bergantung kepada tempahan Mahir sebulan RM2000 ke RM3000 Kurang mahir sebulan sekitar RM1000 Kepantasan pekerja
51:58	Platform yang digunakan untuk promosi perniagaan	Diuruskan oleh anaknya Facebook Instagram Marketing Siaran langsung
52:30	Harga produk yang dijual	RM 25 ke RM 40 RM100 000 ke RM200 000 Istana pelamin
53:52	Produk pertama yang dijual	Muka bantal bulat
54:40	Media sosial platform terpenting	Kesan ketara
55:15	Jumlah harga produk yang dijual dalam tempoh setahun	Mencecah RM200 000

#### **BAHAGIAN F: BANTUAN DAN PERKHIDMATAN**

56:15	Bantuan	Membaik pulih bengkel Perbadanan Kemajuan Kraftangan Usahawan yang terjejas dengan PKP (Perintah Kawalan Pergerakan) Bahan mentah dan wang
57:02	Jumlah tempahan dalam masa sebulan	Kusyen 10 inci sebanyak 24 biji Hadiah kepada duta
57:53	Tempahan yang ditolak	Reka bentuk Sukar Pelik

		Masa
58:32	Kelas untuk pembelajaran seni tekat benang emas	RM450 Semua barang disediakan Tiada faktor umur Minat Sabar
59:59	Kerjasama dengan pihak luar untuk menyediakan kelas	Koridor Utara Enam bulan Resort

#### **BAHAGIAN G: PENCAPAIAN DAN SUMBANGAN**

1:01:22	Anugerah yang pernah dimenangi	1987: Johan Anugerah Pertandingan Sulaman Peringkat Kebangsaan 2010: Anugerah Kraf Mikro dari Perbadanan Kraftangan.
1:02:16	Penganugerahan Darjah Kebesaran	Pingat PPT (Pekerja Pilihan Terbaik) Tuanku Sultan Perak 2009
1:03:38	Sijil yang diperolehi	Program
1:05:40	Lawatan ke luar negara	Bazaar Seminar Kelas 2 minggu Perbadanan Kraftangan Tajaan
1:06:20	Negara yang pernah dikunjungi	London Paris India Visit Malaysia 2007 Face of Malaysia 2011 UNESCO 2012
1:07:32	Dijemput ke luar negara	Pameran London

1:08:59	Pameran di negara luar	United States Bazaar Pameran National Geographic
1:08:50	Misi yang belum dicapai	Galeri Bengkel Modal Tuanku Perak

#### **BAHAGIAN H: HARAPAN DAN NASIHAT**

1:10:34	Impian dalam bidang seni tekat benang	Anak-anak muda Terpelihara Perbanyakkan latihan Perbanyakkan promosi Jiwa seni
1:12:40	Motivasi terus bergiat dalam bidang seni tekat benang	Rezeki dari Allah Gembira Kerja sendiri
1:14:12	Kriteria yang perlu ada untuk menceburi seni kraf tekanan benang	Kesabaran yang tinggi Minat Rajin berusaha Tidak mudah berputus asa Berhati kental
1:15:50	Kata-kata semangat nasihat untuk anak muda yang mahu berjinak dalam bidang seni tekat benang	Ambil tahu Cuba belajar Seni Warisan Lagenda
1:20:30	Harapan terhadap seni tekanan benang emas	Lahir usahawan tekat Generasi muda Belajar Tidak pupus Dikenali

## DIARI KAJIAN

Masa	Tarikh	Perkara	Tindakan
02:00 AM	18 Oktober 2022	Kami diberikan penerangan dan tugas oleh pensyarah iaitu Puan Nurulannisa binti Abdullah mengenai kajian yang perlu dilakukan.	Kami membuat catatan tentang tugas yang diberi. Seterusnya, mencari dan menentukan ahli kumpulan masing-masing.
02:05 PM	1 November 2022	Kami diarahkan untuk menulis abstrak tentang artis pilihan.	Kami mencari maklumat berkaitan artis pilihan iaitu Sheila Rusly dan Chef Sabri Hassan.
12:00 PM	8 November 2022	Penghantaran penulisan abstrak	Kami membuat penghantaran abstrak di Google Classroom untuk disemak oleh pensyarah.
02.24 PM	14 November 2022	Pensyarah memberi pilihan beberapa orang artis veteran yang boleh dihubungi.	Kami memilih Datin Sofia Jane sebagai artis pilihan dan nombor telefon daripada pensyarah.
2.30 PM	14 November 2022	Membuat carian di Google mengenai artis Sofia Jane	Kami mendapatkan maklumat tentang Sofia Jane dan mengikuti platform media sosial miliknya.
10:00 AM	30 November 2022	Penghantaran penulisan abstrak kali kedua	Kami membuat penghantaran abstrak di Google Classroom dan memaklumkan kepada

			pensyarah melalui WhatsApp untuk menyemaknya.
12:00 PM	5 Disember 2022	Membuat soalan temubual berkaitan dengan Sofia Jane	Kami berbincang dan membentuk soalan temubual
02:30 PM	14 Disember 2022	Pemeriksaan soalan temubual	Kami pergi berjumpa dengan pensyarah bagi memeriksa soalan temubual yang dibuat.
11:00 PM	20 Disember 2022	Menghubungi tokoh melalui media sosial	Kami membuat penghantaran mesej di Instagram Sofia Jane buat kali kedua untuk menemubualnya.
10:00 PM	1 Januari 2023	Menghantar mesej kepada tokoh di Instagram	Kami membuat penghantaran mesej di Instagram Sofia Jane untuk menemubualnya.
12:44 PM	1 Januari 2023	Mendapat surat pengesahan projek untuk menemubual tokoh	Kami mendapat surat pengesahan tokoh daripada BHEA Kelantan melalui email.
03:15 PM	3 Januari 2023	Pemeriksaan pembetulan soalan temubual	Kami pergi berjumpa dengan pensyarah bagi memeriksa soalan temubual yang dibuat.
05:00 PM	13 Januari 2023	Menghubungi tokoh	Kami menelefon Sofia Jane untuk menemubualnya. Seterusnya, kami diarahkan untuk menghantar email kepadanya.

09:50 AM	15 Januari 2023	Penghantaran email kepada tokoh	Kami menghantar email kepada Sofia Jane untuk menemubualnya.
01:23 PM	17 Januari 2023	Pencarian tokoh/ artis veteran baharu. Membuat carian di Google mengenai tokoh seni tekat benang emas.	Kami mencari dan menghubungi Puan Azizah Adam. Seterusnya, kami menerima persetujuan untuk ditemubual dan membuat tarikh temu janji untuk menemubual tokoh.
03:39 PM	17 Januari 2023	Memaklumkan nama tokoh yang baru kepada pensyarah	Kami menghantar pesanan di WhatsApp tentang perkara tersebut.
8:30 PM	17 Januari 2023	Penyediaan soalan temubual yang baru	Kami membuat soalan temubual tentang tokoh yang dipilih.
08:50 PM	18 Januari 2023	Penghantaran soalan temubual kepada tokoh	Menghantar soalan yang akan ditanyakan kepada tokoh.
08:17 AM	19 Januari 2023	Temubual secara atas talian	Kami membuat persediaan untuk menemubual tokoh. Walau bagaimanapun, tokoh tidak dapat dihubungi. Kemudian kami membuat tarikh temu janji baru bersama tokoh.
10:35 PM	21 Januari 2023	Temubual secara atas talian	Kami menemubual tokoh menggunakan platfrom Google Meet.

02:48 PM	26 Januari 2023	Kami diarahkan oleh pensyarah untuk menyiapkan dan menghantar tugas mengikut yang ditetapkan.	Kami melaksanakan tugas dari semasa ke semasa.
----------	-----------------	---	--

## **SENARAI SOALAN**

### **PENGENALAN**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah merupakan temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam bidang seni tekat benang emas. Temubual ini dilakukan bersama kami ialah Puan Azizah binti Adam seorang tokoh seni tekat benang emas. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 21 Januari 2023 bersamaan dengan hari khamis pada pukul 10 pagi secara atas talian di platform Google Meet. Temubual ini dikendalikan oleh Nur Aimi Atirah binti Abdul Malik dan Siti Ubaidah binti Mohd Zaini. Dengan segala hormatnya temubual ini dimulakan.

### **SOALAN TEMU BUAL (PUAN AZIZAH BINTI ADAM)**

- 1. Latar Belakang**
- 2. Pendidikan**
- 3. Pengalaman Kerjaya**
  - Awal kerjaya
  - Bidang Seni Tekat
- 4. Penghasilan Tekat Benang**
- 5. Perniagaan Azydar Enterprise**
  - Platform yang digunakan untuk mempromosikan perniagaan
- 6. Bantuan dan Perkhidmatan**
- 7. Pencapaian dan Sumbangan**
- 8. Harapan dan Nasihat**

#### **Bahagian A: Latar Belakang**

1. Bolehkah puan ceritakan serba sedikit mengenai latar belakang puan:
  - a. Nama Penuh
  - b. Tarikh lahir

- c. Tempat lahir
2. Adakah puan mempunyai nama gelaran atau nama samaran yang tersendiri?
  3. Siapakah nama ibu dan bapa puan?
  4. Boleh ceritakan serba sedikit tentang latar belakang ibu dan bapa puan?
  5. Berapakah bilangan adik beradik puan dan puan merupakan anak yang ke berapa?
  6. Bolehkah puan ceritakan serba sedikit tentang latar belakang adik beradik puan?
  7. Bilakah puan menamatkan zaman bujang?
  8. Sudah berapa lama puan berkahwin?
  9. Adakah suami puan bekerja?
  10. Berapakah bilangan anak puan bersama dengan suami tercinta?
  11. Boleh puan ceritakan serba sedikit tentang latar belakang anak-anak puan?
  12. Adakah anak puan sudah mendirikan rumah tangga?
  13. Dimanakah puan dan keluarga menetap sekarang?

#### **Bahagian B: Pendidikan**

14. Dimanakah puan mula mendapatkan pendidikan awal?
15. Bilakah tahun puan memulakan sesi persekolahan?
16. Apakah nama sekolah menengah puan?
17. Adakah puan terlibat aktif dalam mana-mana aktiviti badan kurikulum atau organisasi sewaktu sekolah dahulu?
18. Adakah puan pernah memegang apa-apa jawatan sewaktu di sekolah dahulu?
19. Siapakah guru yang paling diingati oleh puan sehingga sekarang? Dan apakah sebab puan masih mengingati perihal beliau?
20. Adakah puan melanjutkan pelajaran di peringkat universiti?
21. Apakah kursus pengajian puan sewaktu di universiti?
22. Apakah pencapaian tertinggi puan sepanjang sesi pengajian?
23. Boleh puan ceritakan apakah kenangan manis sepanjang bergelar sebagai seorang mahasiswa?
24. Apakah satu peristiwa yang tidak dapat dilupakan oleh puan sebagai seorang pelajar?

## **Bahagian C: Pengalaman kerjaya**

### **Awal kerjaya**

25. Selepas menamatkan pengajian, adakah puan pernah melakukan kerja sambilan?
26. Pada tahun bilakah puan memulakan pekerjaan pertama?
27. Bagaimanakah puan memperolehi pekerjaan tersebut?
28. Berapa lamakah puan bekerja pada ketika itu?
29. Berapakah gaji yang diperoleh semasa bekerja pada ketika itu?
30. Apakah pengalaman manis yang tidak dapat dilupakan sepanjang bekerja pada saat itu?

### **Bidang Seni Tekat**

31. Secara amnya, bidang seni tekat benang ini berasal dari mana?
32. Pada tahun berapakah puan mula menceburi bidang seni tekat?
33. Berapa lamakah puan sudah menceburi sektor pembuatan tekat benang ini?
34. Bagaimanakah puan boleh memulakan kerjaya dalam bidang seni tekat ini?
35. Antara warisan seni kraf yang wujud dalam negara, mengapakah puan memilih untuk menceburi bidang seni tekat benang berbanding yang lain?
36. Pada pendapat puan, apakah keunikan yang membuatkan puan untuk melibatkan diri dalam bidang seni tekat benang?
37. Adakah puan pernah mengambil kelas untuk mempelajari tentang seni tekat benang ini?
38. Sebagai seorang yang berpengalaman dalam bidang seni kraf ini, pada pendapat puan apakah perbezaan seni warisan tekat benang ini pada zaman dahulu dan sekarang?
39. Pada pendapat puan, apakah persepsi orang ramai tentang seni tekat benang ini?
40. Apakah kekuatan terbesar yang mempengaruhi puan untuk terus berjuang dan bergiat aktif dalam bidang pembuatan tekat benang ini?
41. Sepanjang penglibatan puan dalam bidang kraf tekat benang ini, apakah antara cabaran utama yang dihadapi oleh puan?

42. Bagaimakah cara puan menangani masalah tersebut?
43. Kita sering melihat bidang seni tekat benang ini dimonopoli oleh kaum hawa. Pada pendapat puan, adakah lelaki boleh turut serta melibatkan diri dalam bidang seni tekat benang ini?
44. Adakah puan berpendapat bahawa seni tekat benang ini merupakan sebahagian daripada warisan seni kraf yang terpenting dalam negara?
45. Apakah cita-cita puan sebelum menceburji bidang tekat benang ini?
46. Pada pendapat puan, adakah bidang seni tekat ini harus digalakkan dalam kalangan masyarakat?
47. Adakah anak puan turut terlibat mewarisi bidang seni tekat ini?

#### **Bahagian D: Penghasilan Tekat Benang**

48. Boleh puan ceritakan bagaimakah cara penghasilan sulaman tekat benang?
49. Apakah jenis benang yang digunakan untuk melakukan sulaman tekat ini?
50. Berapa lamakah tempoh yang diambil untuk menyiapkan setiap rekaan sulaman tekat benang ini?
51. Berapakah modal yang perlu diperuntukkan untuk menghasilkan satu jenis rekaan sulaman tekat ini?
52. Berapakah jenis sulaman tekat benang yang ada?
53. Apakah peralatan yang digunakan untuk melakukan proses tekat benang ini?
54. Apakah jenis-jenis corak sulaman tekat benang yang dihasilkan?
55. Adakah setiap corak sulaman yang dihasilkan mempunyai maksud yang tersendiri?
56. Bagaimakah puan mencari idea untuk membuat corak sulaman tekat benang tersebut?
57. Apakah warna yang paling banyak digunakan dalam sulaman tekat benang ini?
58. Dimanakah puan mendapatkan bahan-bahan mentah bagi penghasilan tekat benang seperti kain, benang dan sebagainya?
59. Adakah bahan-bahan tersebut sukar untuk diperolehi?
60. Apakah jenis material kain yang digunakan dalam penghasilan seni tekat benang ini?

61. Antara corak tradisional sulaman seni tekat yang manakah paling sukar untuk dihasilkan?
62. Apakah antara produk yang dihasilkan melalui seni tekat benang ini?

#### **Bahagian E: Perniagaan Azydar Enterprise**

63. Bilakah perniagaan ini ditubuhkan?
64. Siapakah yang mencetuskan idea untuk menubuhkan perniagaan ini?
65. Dimanakah lokasi Azydar Enterprise ini?
66. Berapakah bilangan pekerja yang turut bekerjasama memajukan perusahaan ini?
67. Adakah pekerja-pekerja puan berpengalaman dalam bidang seni tekat benang?
68. Adakah pekerja puan semuanya berasal dari negeri Perak?
69. Boleh puan kongsikan berapakah anggaran gaji yang diberikan kepada para pekerja?
70. Adakah puan berhasrat untuk meluaskan perusahaan seni tekat benang ini pada masa akan datang?

#### **Platform yang digunakan untuk mempromosikan perniagaan**

71. Apakah platform yang digunakan untuk mempromosikan produk puan?
72. Siapakah yang menguruskan platform tersebut?
73. Antara setiap platform yang puan gunakan, platform yang manakah paling banyak puan digunakan? Mengapa?
74. Boleh puan kongsikan berapakah jumlah harga produk seni tekat pertama yang dijual?
75. Berapakah anggaran harga bagi setiap produk seni tekat benang tersebut?
76. Pada pendapat puan, adakah media sosial menjadi saluran yang penting bagi meluaskan seni warisan tekat benang ini?
77. Dalam tempoh setahun, berapa banyak produk sulaman yang berjaya dijual?

#### **Bahagian F: Bantuan dan Perkhidmatan**

78. Adakah puan mendapat bantuan daripada mana-mana pihak di Malaysia?
79. Boleh puan kongsikan apakah jenis bantuan yang diperolehi?

80. Adakah puan menyediakan apa-apa perkhidmatan tempahan?
81. Adakah puan pernah menolak apa-apa tempahan daripada pelanggan? Jika pernah, mengapa?
82. Adakah puan menyediakan kelas bagi orang ramai untuk mempelajari seni tekat benang ini?
83. Jika ada, adakah kelas itu secara berbayar atau secara percuma?
84. Adakah puan membuka kelas untuk semua jenis peringkat umur?
85. Adakah puan pernah bekerjasama dengan mana-mana badan organisasi dalam menyediakan kelas tersebut?

#### **Bahagian G: Pencapaian dan Sumbangan**

86. Sepanjang berkecimpung dalam bidang seni kraf tangan ini, adakah puan pernah memenangi apa-apa anugerah? Dan jika pernah, boleh puan kongsikan beberapa anugerah yang telah diterima?
87. Apakah perasaan puan sewaktu menerima anugerah tersebut?
88. Antara anugerah yang diperoleh tersebut, yang manakah paling dekat di hati puan?
89. Adakah puan mempunyai sijil-sijil khusus dalam bidang seni tekat benang ini?
90. Apakah kejayaan terbesar puan yang tidak boleh dilupakan dalam bidang seni warisan tekat benang ini?
91. Adakah puan sudah berpuas hati dengan pencapaian yang diperolehi setakat ini dalam bidang seni tekat benang ini?
92. Apakah antara misi yang belum puan capai selama penglibatan puan dalam bidang seni tekat?

#### **Bahagian H: Harapan dan Nasihat**

93. Apakah impian puan terhadap seni tekat benang ini?
94. Setelah berdekad menceburi bidang tekat benang ini, pernahkah puan terfikir untuk sampai ke tahap hari ini?

95. Apakah perkara yang memberikan motivasi kepada puan untuk terus membuat seni tekat benang ini?
96. Apakah harapan yang ingin puan kecapi sebelum bersara dari dunia seni warisan tekat benang ini?
97. Pada pendapat puan, apakah kriteria atau sikap yang perlu ada pada seseorang jika mahu melibatkan diri dalam bidang seni tekat benang ini?
98. Sebagai seorang tukang tekat benang yang berpengalaman, apakah kata-kata semangat dan nasihat yang boleh puan sampaikan kepada anak-anak muda yang mahu berjinak dalam dunia warisan seni tekat ini?
99. Apakah harapan puan terhadap seni warisan tekat benang pada masa sekarang?

## **PENUTUP**

Dengan ini tamatlah sesi temubual mengenai pengalaman dan sumbangan Puan Azizah binti Adam sebagai tukang seni tekat benang emas. Kami mengucapkan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat memberikan pengajaran dan pengertian hidup yang bermakna dalam bidang seni kraf dan kepada para penyelidik pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.

## BIBLIOGRAFI

Akuadalahaku. (n.d.). Seni Tekat. pendidikan seni visual. Retrieved January 24, 2023, from  
<http://senivisual1.blogspot.com/2009/10/seni-tekat.html>

Bakri, M. H. Y., & Bakri, M. H. Y. (2022, December 3). Bukan Hanya Warisan, Tekat Benang Emas Jana Pendapatan Lumayan. Utusan Malaysia. Retrieved January 24, 2023, from <https://www.utusan.com.my/gaya/sastera/2022/12/bukan-hanya-warisan-tekat-benang-emas-jana-pendapatan-lumayan/>

Carian Umum. (n.d.). Retrieved February 13, 2023, from  
<https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=anugerah>

Carian Umum. (n.d.). Retrieved February 13, 2023, from  
<https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=rumit>

Itutor. (2021, September 9). Usaha Melestarikan Warisan seni budaya rakyat Malaysia. Ipendidikan.my. Retrieved January 24, 2023, from  
<https://www.ipendidikan.my/melestarikan-warisan.html>

Monte, D. (2022, September 16). *Apa Pengertian Warisan? Ini Arti & Dasar Hukum Dalam Islam*. Artikelsiana. Retrieved February 12, 2023, from  
<https://artikelsiana.com/pengertian-warisan-ini-arti-dasar-hukum-dalam-islam/#:~:text=Secara%20umum%2C%20yang%20dimaksud%20dengan%20pengertian%20warisan%20adalah,seseorang%20yang%20telah%20meninggal%20dunia%20kepada%20ahli%20warisnya.>

Orang Perak. (2022, June 19). Seni Tekat Benang Emas Warisan negeri perak. Retrieved January 23, 2023, from <https://www.orangperak.com/seni-tekat-benang-emas-warisan-negeri-perak.htm>

Pelihara Aset Warisan Demi Kelestarian Identiti Malaysia. (n.d.). Retrieved January 23, 2023, from <https://www.bharian.com.my/kolumnis/2022/09/997411/pelihara-aset-warisan-demi-kelestarian-identiti-malaysia>

Thila. (n.d.). Kerajaan Negeri Pulau pinang. Portal Rasmi Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Retrieved January 25, 2023, from <https://www.penang.gov.my/index.php/info-korporat/268-warisan/360829-apa-itu-warisan>

Tekat Benang Emas: Kraftangan Warisan perak. Perak Today. (2011, May 4). Retrieved January 23, 2023, from <https://peraktoday.com.my/2011/05/tekad-benang-emas-kraftangan-warisan-perak/>

Yaacob, S. (2014, July 5). Perak trip - Seni Warisan Tekat benang emas. Retrieved January 23, 2023, from <https://www.sobriyaacob.com/2014/07/perak-trip-seni-warisan-tekat-benang.html>

## SURAT PENGESAHAN

www.uitm.edu.my



Cawangan Kelantan  
Kampus Machang

Surat Kami : 100-CK(HEA 30/7/2)  
Tarikh : 1 Januari 2023

### KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan/Puan

#### PENGESAHAN PROJEK PELAJAR UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN KELANTAN

Bil	Nama	No. Pelajar
1	NUR AIMI ATIRAH BINTI ABDUL MALIK	2020872672
2	SITI UBAIDAH BINTI MOHD ZAINI	2020862702

Adalah dimaklumkan bahawa penama di atas merupakan pelajar dari **UJAZAH SARJANA MUDA PENGURUSAN SISTEM MAKLUMAT (KEPUJIAN) (IM245)**, bahagian (3) yang ditugaskan untuk menyiapkan satu laporan projek yang berkaitan dengan mata pelajaran yang mereka ikuti **ORAL DOCUMENTATION (IMR604)**.

2. Pihak kami mengharapkan kerjasama dari pihak tuan/puan untuk menyumbangkan sebanyak mungkin maklumat yang diperlukan. Segala maklumat tersebut akan kami rahiaskan dan hanya untuk tujuan akademik sahaja. Penyediaan projek ini adalah wajib untuk melengkapkan kursus tersebut. Untuk maklumat lanjut, pihak tuan boleh menghubungi **NUR AIMI ATIRAH BINTI ABDUL MALIK**.

3. Pihak kami mengucapkan terima kasih di atas kerjasama dan maklumat diberikan.

#### "BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Sekian, terima kasih.

Yang benar

Penolong Pendaftar Kanan  
b/p TIMBALAN REKTOR HEA

Bahagian Hal Ehwal Akademik  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan  
Bukit Ilmu, 38500 Machang, Kelantan  
Tel: (+609)76 2000 2162/2266 Fax: (+609)76 2156  
Email : trheakln@uitm.edu.my



## SURAT PERJANJIAN



### UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA PERJANJIAN MENGENAI PROJEK SEJARAH LISAN

Saya ..... AZIZAH BINTI HAJI ADAM ..... K/P: ..... #601120006544 ..... pada  
21 JANUARI 2023 ..... dengan ini bersetuju dengan syarat-syarat temubual yang telah diadakan  
di antara saya dengan Universiti Teknologi MARA. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

1. Rakaman hasil temubual ini adalah bertujuan untuk kegunaan pengajaran, penyelidikan dan penerbitan tanpa melibatkan bayaran/ tuntutan dari mana-mana pihak. Walaubagaimanapun bagi tujuan selain daripada yang tersebut, persetujuan daripada tokoh perlu diperolehi.
2. Rakaman hasil temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan dan menjadi hak milik sepenuhnya Universiti Teknologi MARA untuk penyimpanan kekal dan boleh mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu bagi memelihara rakaman dan transkrip ini.
3. Pihak Pengajian Sains Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh tokoh (interviewee).
4. Rakaman dan transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negara yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah dengan syarat:-
  - a. Apabila petikan diambil dari rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya (tokoh) hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.

{Nama tokoh AZIZAH BINTI HAJI ADAM  
Tarikh: 21 JANUARI 2023

(Nama Pensyarah: Nurulannisa Binti Abdullah)  
b.p. Penolong Naib Canselor  
Pengajian Sains Maklumat  
Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik  
dan Media  
Universiti Teknologi MARA (UiTM)

## GAMBAR



Rajah 1: Gambar menunjukkan Puan Azizah Adam sedang menekat benang

## **GLOSARI**

### **SINGKATAN      MAKNA**

#### **A**

Anugerah pemberian berupa hadiah, memberi seseorang anugerah

#### **B**

Benang tali halus daripada kapas atau sutera, digunakan untuk menenun dan menjahit

Bunga bahagian tumbuh-tumbuhan yang biasanya berwarna-warni

Business bermaksud perniagaan atau sesuatu pekerjaan

#### **C**

Cookies adalah sejenis kuih atau biskut

Corak ragi atau bunga-bunga pada kain

China sebuah negara yang terbesar

Customer pelanggan

Catron material kain tekat benang emas

Cantik sesuatu yang indah

#### **E**

Emas ialah unsur logam yang berwarna kuning berkilauan

Event ia bermaksud acara atau peristiwa

#### **F**

Facebook merupakan salah satu media sosial yang popular

Frame bermaksud bingkai gambar

Familiar mengenali, biasa, tahu

## **G**

Geligir	merupakan bahan utama yang digunakan dalam pembuatan tekat benang emas
Glamour	bermaksud terkenal
Generasi	kumpulan individu yang lahir pada waktu yang lebih kurang sama

## **H**

Hari	masa dari matahari terbit hingga matahari terbit sekali lagi
Hot	panas

## **I**

Idea	idea bermaksud buah fikiran
Import	pemasukan barang-barang dari luar negeri
Istana	bermaksud rumah kediaman raja atau ketua negara
Identiti	merupakan sifat-sifat (ciri-ciri) yang terdapat pada seseorang

## **J**

Jabatan	bertanggungjawab untuk pengawasan dan pentadbiran fungsi tertentu, seperti kerajaan pentadbiran
---------	---

## **K**

Konsep	pengertian am
Kaku	sesuatu yang tidak bergerak
Kekwa	nama sejenis bunga

## **M**

Minat	keinginan (kesukaan, kecenderungan)
Motif	sebab (tujuan) yang mendorongkan seseorang melakukan sesuatu atau bertindak

## **O**

**O**rder membuat sebarang pesanan atau tempahan

**P**

Pemidang satu alatan yang digunakan untuk membuat tekat benang emas  
Pahat alat besi yang berbentuk bilah yang tajam hujungnya, untuk menebuk lubang

**R**

Rumit tidak mudah, sukar, sulit, atau susah  
Rangkaian sesuatu yang bersambung-sambung

**S**

Seni Kecil sekali, halus, molek atau elok, kecekapan atau kepandaian membuat sesuatu yang indah-indah

**W**

Warisan harta peninggalan, pusaka dan surat wasiat

# **INDEKS**

## **A**

Accessories 29  
Anugerah 40, 41

## **B**

Baldu 22, 28, 29  
Bag 29, 30  
Bazaar 15, 43, 48  
Benang 3, 4, 11, 14, 15, 16, 17, 18, 19, 22, 23, 24, 25, 26, 27, 28, 29, 30, 38, 41, 45, 46, 47, 49  
Bengkel 14, 15, 31, 32, 43, 45, 46, 50  
Bunga 23, 25, 26, 27, 29, 30, 36, 47  
Business 16

## **C**

Cantik 26, 33  
Catron 24  
Cenderamata 15, 19  
Corak 15, 25, 26, 27  
Cushion 23, 29, 37  
Customer 48

## **E**

Emas 3, 4, 11, 19, 22, 24, 27, 28, 33  
Event 16, 25

## **F**

Facebook 21, 33, 34  
Familiar 25, 26  
Frame 19, 23, 29

## **G**

Geligir 24  
Glamour 4

## **H**

Hari Kraf Kebangsaan 2  
Hiasan 15  
Hot 29  
Hotel Royale Chulan 25

## **I**

Idea 27, 31  
Import 28

Istana 12, 15, 17, 28, 35, 43  
Identiti 27

**J**

Jabatan Kerajaan 5, 6, 11, 16  
Jalan Conlay 25, 30

**K**

Konsep 27, 49  
Kaku 27  
Kekwa 25, 26  
Kerja 5, 6, 11, 16, 17, 26, 33, 46  
Kain 22, 24, 27, 28, 29  
Kerawang 25  
Kuala Kangsar 5, 7, 8, 32, 33

**L**

London 21, 42  
Lembut 27, 28, 32  
Lesen 31

**M**

Material 28  
Mentah 17, 18, 32  
Minat 13, 38, 45, 46

**N**

National Geographic 43

**O**

Order 16, 17, 19, 28, 46  
Orkid 25, 26

**P**

Padi 26, 35  
Pahat 26  
Pameran 42, 43  
Pemidang 14, 22, 24, 45, 48  
Perniagaan 5, 31, 32, 33, 35  
Pelanggan 27, 37  
Perak 4, 7, 8, 11, 12, 16, 24, 27, 33  
Prototaip 12

**R**

Raya 6, 23, 25, 26  
Rumit 23, 26, 37

**S**

Seni 2, 3, 4, 11, 12, 13, 14, 15, 18, 19, 20, 29, 32, 38, 39, 40, 41, 42, 43, 45, 46, 47, 48, 49  
Skill 14, 49  
Songket 14, 15, 49  
Sulaman 14, 22, 23, 25, 26, 27, 40, 48

**T**

Tokoh 2, 3

**U**

Universiti 9, 14, 42

**V**

Velvet 28, 29

**W**

Warisan 15, 19, 41, 47, 49  
Warna 27  
Workshop 10